



UNIVERSITI MALAYA

# SYARAHAN PERDANA

## INAUGURAL LECTURE

"Menghayati Fungsi Komunikasi Puisi Melayu  
Dalam Pembinaan Jati Diri Warga Malaysia"

LG173

A9Abdlab

**Prof. Datuk Dr. Abdul Latiff Abu Bakar**

B.A. (Hons.), M.A, Ph.D (UNIVERSITI MALAYA)

B.C.M, D.M.S.M (MELAKA)

Jabatan Pengajian Media

Fakulti Sastera dan Sains Sosial

UNIVERSITI MALAYA

# **SYARAHAN PERDANA**

**MENGHAYATI FUNGSI KOMUNIKASI PUISI MELAYU  
DALAM PEMBINAAN JATI DIRI WARGA MALAYSIA**

4 Oktober 2004

Oleh:

**Profesor Datuk Dr. Abdul Latiff bin Abu Bakar**

Jabatan Pengajian Media

Fakulti Sastera dan Sains Sosial

Universiti Malaya

Perpustakaan Universiti Malaya



A511910033

Syarahan Perdana ini diadakan sebagai pengiktirafan jawatan profesor di  
Universiti Malaya

UNIVERSITI MALAYA  
LG173

A9AbdLat



**Profesor Datuk Dr. Abdul Latiff bin Abu Bakar**

## BIODATA

**Profesor Datuk Dr. Abdul Latiff bin Abu Bakar** dilahirkan pada 1 November 1952 di Kampung Bandar Hilir, Melaka. Beliau adalah seorang tokoh budaya, akademik, bekas pemimpin politik, dan beliau yang aktif.

Abdul Latiff mendapat pendidikan awal di Sekolah Kebangsaan Ujong Pasir dari tahun 1959 hingga 1964. Beliau meneruskan pengajiannya ke peringkat menengah di Sekolah Tun Mutahir, Batu Berendam, Melaka (dahulunya Sekolah Menengah Anglo Chinese School) dari tahun 1965 hingga 1967. Selepas lulus Sijil Rendah Pelajaran (1967), beliau meneruskan pengajiannya di Sekolah Menengah Munsyi Abdullah, Batu Berendam dari tahun 1968 hingga 1971.

Selepas mendapat kelulusan yang baik dalam Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia pada tahun 1971, beliau melanjutkan pelajaran di Universiti Malaya dari tahun 1972 hingga 1975. Beliau memperoleh Ijazah Sarjana Muda Sastera (dengan kepujian) Kelas Kedua Tinggi dengan pengkhususan dalam bidang sejarah (jurusan nasionalisme). Kemudian beliau menyambung pengajian di peringkat ijazah tinggi dan dianugerahkan ijazah sarjana pada tahun 1980, dan Ijazah Doktor Falsafah (Ph.D) pada tahun 1997 dengan disertasinya bertajuk "Utusan Melayu: Liputan Mengenai Pilihanraya Persekutuan 1959 dan 1964".

Ketika menuntut di Universiti Malaya, Abdul Latiff aktif dalam beberapa organisasi seperti ahli kumpulan Kesenian Universiti Malaya



.....

(KESUMA) dari tahun 1973 hingga 1975. Selain itu, beliau juga pernah dilantik sebagai Timbalan Pengerusi Persatuan Sejarah Universiti Malaya sesi 1974/75.

Mengenai tugasnya sebagai pegawai akademik dan pentadbiran, Abdul Latiff telah memulakan kerjayanya sebagai seorang pengajar (tutor) di Jabatan Sejarah dari tahun 1975 hingga 1980. Kemudian beliau dilantik menjadi pensyarah di Rancangan Penulisan Kreatif dan Deskriptif, Jabatan Pengajian Melayu dari tahun 1980 hingga 1987. Pada tahun 1989, Abdul Latiff telah dilantik sebagai Profesor Madya di Jabatan Pengajian Media dan menjadi Ketua Jabatan Penulisan dari tahun 1987 hingga 1991. Pada tahun 1997 beliau dilantik semula memegang jawatan Ketua Jabatan sehingga 2001.

Selain itu, Abdul Latiff telah menjadi Ahli Jawatankuasa Ijazah Dasar dan Ahli Jawatankuasa Ijazah Tinggi di Universiti Malaya. Beliau juga dilantik sebagai Ahli Jawatankuasa Komunikasi UNESCO dan Ahli Jawatankuasa Pengiktirafan Diploma Seni oleh Jabatan Perkhidmatan Awam.

Abdul Latiff juga pernah menyertai kegiatan politik dengan menganggotai UMNO. Beliau telah bergerak aktif dalam UMNO dengan menjadi ahli UMNO Cawangan Bandar Hilir. Beliau telah mengasaskan penubuhan dan dilantik menjadi ketua UMNO Cawangan Bandar Hilir Melaka dari tahun 1982 hingga 1987. Kemudian beliau menjadi ahli jawatankuasa pergerakan pemuda UMNO Bahagian Kota Melaka dari tahun 1984 hingga 1986. Selain itu, beliau juga menjadi ahli jawatankuasa Biro Pendidikan dan Ekonomi UMNO Bahagian Kota Melaka. Seterusnya beliau telah dilantik sebagai setiasa Biro Kebudayaan Pemuda UMNO Malaysia dari tahun 1984 hingga 1988. Pada masa yang sama juga beliau menjadi ahli jawatankuasa Biro Pelajaran Pemuda UMNO Malaysia dan setiasa kerja Biro Kebudayaan dan Pendidikan UMNO Malaysia.

Selain penglibatannya dalam kegiatan politik, beliau juga berminat dengan kerja sukarela sama ada di peringkat kebangsaan atau negeri.

## Menghayati Fungsi Komunikasi Puisi Melayu dalam Pembinaan Jati Diri Warga Malaysia




Beliau menyertai pertubuhan Lembaga Bahasa Melayu Melaka sejak tahun 1970-an dan telah dilantik menjadi Ketua Satu Lembaga Bahasa Melayu Melaka dari tahun 1986 hingga sekarang. Beliau juga telah dilantik menjadi Ketua Dua Gabungan Persatuan Penulis Nasional Malaysia (GAPENA) sejak tahun 1990 dan memegang portfolio sebagai Pengerusi Biro Akademik, Pengerusi Biro Pembangunan dan Timbalan Pengarang Warta GAPENA. Beliau juga telah dipilih sebagai Pengerusi Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) Sekolah Menengah Seri Pantai, Kuala Lumpur sejak 1998 dan telah memainkan peranan penting dalam pembangunan sosiobudaya dan kesenian di Sekolah Menengah Seri Pantai.

Abdul Latiff juga telah dilantik oleh Kementerian Pendidikan Malaysia sebagai ahli Lembaga Pengelola Dewan Bahasa dan Pustaka sejak tahun 1994. Beliau memikul tanggungjawab sebagai Pengerusi Jawatankuasa Sastera, Ahli Jawatankuasa Bahasa, dan Ahli Jawatankuasa Penerbitan.

Beliau juga dilantik oleh kerajaan negeri Melaka sebagai ahli Lembaga Perbadanan Muzium Melaka dan menduduki jawatan Pengerusi Jawatankuasa Penerbitan dan Penyelidikan.

Beliau sering ditugaskan menjadi perancang utama serta menyumbangkan idea terhadap beberapa aktiviti di peringkat negeri mahupun kebangsaan. Sehubungan dengan itu, beliau telah dilantik menjadi Pengarah Sayembara Deklamasi Puisi Hari Kebangsaan sejak tahun 1987 hingga kini. Beliau juga bertindak sebagai Pengarah Projek Perkampungan Penulis GAPENA, Perkampungan Penulis Rakan Muda GAPENA-KBS sejak tahun 1994. Selain itu, beliau juga dilantik sebagai Pengarah Kongres Bahasa dan Persuratan Melayu ke-5 pada tahun 1998 yang dianjurkan oleh GAPENA dan lima NGO lain.

Penglibatan Abdul Latiff dalam bidang penulisan bahasa dan budaya amat luas. Beliau pernah dilantik sebagai penasihat terhadap Projek Penulisan Biografi dan Pembentangan Kertas Kerja Konsep yang



dianjurkan oleh DBP pada tahun 1987. Beliau juga dilantik oleh pihak yang berkenaan sebagai penasihat kepada Bengkel Penerbitan Majalah pada tahun 1997. Di samping itu, beliau dilantik menjadi Pengarah Dokumentari Rumpun Melayu oleh RTM dan Sekretariat Melayu Antarabangsa pada tahun 1996.

Abdul Latiff juga merupakan tenaga yang penting dalam pelbagai aktiviti yang dianjurkan oleh Pergerakan Belia MAYC Kebangsaan. Antaranya ialah Pertemuan Belia Nusantara. Selaku pengerusi projek pada tahun 1993 itu, beliau telah berjaya mempertemukan sebilangan belia dari pelbagai negara dan seluruh dunia bagi menghayati kebudayaan Melayu di negara ini. Beliau pernah dipilih menjadi Naib Pengerusi MAYC Kebangsaan sesi 1994/95 dan Naib Pengerusi MAYC Negeri Melaka dari tahun 1993 hingga 1998.

Pada tahun 1985, Abdul Latiff telah diangkat sebagai Setiausaha Kerja oleh Biro Kebudayaan dan Pendidikan UMNO Malaysia untuk mengelolakan Pidato Gerak Budaya dan kemudian menerbitkan buku *Kebudayaan Kebangsaan: Proses Pembinaan Negara Bangsa Malaysia*.

Abdul Latiff merupakan seorang tokoh yang tidak asing lagi di negeri Melaka. Beliau pernah dilantik sebagai Timbalan Pengerusi dan menyusun kembali struktur dan organisasi Majlis Kebudayaan Negeri Melaka pada tahun 1997 dan sebagai Pengerusi Muzium Sastera Melaka sejak tahun 1987.

Pada tahun 1995, pihak Majlis Perbandaran Melaka Bandaraya Bersejarah telah menganjurkan Pesta Gendang Nusantara dan untuk menjayakan projek tersebut Abdul Latiff telah ditugaskan sebagai perancang dan penasihat projek sehingga sekarang.

Kemudian pada tahun 1995, Abdul Latiff telah ditugaskan menjadi Pengerusi Seminar Antarabangsa 200 Tahun Munsyi Abdullah yang dianjurkan oleh Perbadanan Muzium Melaka (PERZIM). Seterusnya pada 1996, beliau ditugaskan oleh PERZIM menjadi Pengerusi Seminar Peranan Wanita dalam Pembangunan Negara dan Seminar

## Menghayati Fungsi Komunikasi Puisi Melayu dalam Pembinaan Jati Diri Warga Malaysia



Adat Perpatih Naning. Pada tahun 1996 juga beliau telah merancang (bagi pihak GAPENA dan Kerajaan Melaka) bagi menjayakan Pertemuan Selat Melaka yang dihadiri pemimpin dan intelektual Rumpun Melayu serta 12 orang Gabenor Indonesia. Hasil dari pembentangan kertas kerja, beliau telah menyelenggarakan monograf Pertemuan Selat Melaka pada 1997. Pada tahun 1995, beliau telah ditugaskan mempengerusikan Jawatankuasa Seminar Melaka Negeri Berbudaya. Pada tahun 1998, beliau telah mempengerusikan Seminar Media Warisan Malaysia, anjuran Jabatan Pengajian Media, Universiti Malaya.

Profesor Datuk Dr. Abdul Latiff memainkan peranan yang penting pada awal penubuhan Sekretariat Dunia Melayu Dunia Islam dan beliau dilantik menjadi Ahli Majlis Penasihat dan Pengerusi Biro Sosiobudaya. Di samping itu, beliau dilantik menjadi Ahli Majlis Penasihat Seni Budaya di Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan dan Ahli Penasihat Arkib Negara Malaysia. Beliau turut dilantik menjadi Pengerusi Gerakan Membaca Perpustakaan Melaka, Ahli Lembaga Perpustakaan Negeri Melaka, Perbadanan Muzium Negeri Melaka dan Institut Sejarah dan Patriotisme Malaysia, Pengerusi Jawatankuasa Kerja Bulan Bahasa dan Sastera Peringkat Negeri Melaka, Festival Songket Serumpun, dan Pengerusi Perkampungan Seniman Serumpun (Sekretariat Dunia Melayu Dunia Islam).

Penghargaan tertinggi Profesor Datuk Dr. Abdul Latiff Abu Bakar perolehi ialah Darjah Mulia Seri Melaka dari Kerajaan Negeri Melaka yang membawa gelaran Datuk pada tahun 1995 dan sebelum itu pada tahun 1993 beliau dianugerahkan Bintang Cemerlang Melaka. Beliau juga telah dianugerahkan Khidmat Setia pada 1995 dan Perkhidmatan Cemerlang pada 1996 dan 1998 oleh Universiti Malaya serta dinobatkan sebagai Tokoh Maal Hijrah Negeri Melaka bagi tahun 2002 menghargai sumbangannya dalam perancangan, pembinaan dan perkembangan kebudayaan Melayu berteraskan Islam melalui Sekretariat Dunia Melayu



Dunia Islam yang berpusat di Melaka.

Abdul Latiff juga telah menghasilkan beberapa buah buku serta menghasilkan banyak kertas kerja dan juga telah banyak menulis rencana dalam majalah tempatan dan antarabangsa. Antara hasil karya beliau yang berbentuk buku ialah *Ishak Hj. Muhammad: Penulis dan Ahli Politik Sehingga 1948* (Penerbit Universiti Malaya, 1977), *Abdul Rabim Kajai: Wartawan dan Sasterawan Melayu* (Dewan Bahasa dan Pustaka, 1982), *Warisan Sastera Melayu* (ed.) (Lembaga Bahasa Melayu Melaka, 1984), *Warisan Sastera Pulau Pinang* (ed.) (Biro Penerbitan GAPENA, 1985), *Warisan Dunia Melayu* (ed.) (Biro Penerbitan GAPENA, 1985), *Sejarah Di Selat Melaka* (ed.) (Persatuan Sejarah Melaka, 1984), *Kebudayaan Kebangsaan: Proses Pembinaan Negara Bangsa Malaysia* (Biro Kebudayaan UMNO Malaysia, 1987), *Puisi-Puisi Kebangsaan* (ed.) (Dewan Bahasa dan Pustaka, 1987), *Melaka Negeri Berbudaya* (ed.) (Kerajaan Negeri Melaka, 1995), *Pertemuan Selat Melaka* (ed.) (Kerajaan Negeri Melaka dan IKSEP, 1998), *Peranan Media dalam Pilihanraya Persekutuan* (Penerbit Fajar Bakti, 1998). *Media Warisan Malaysia-Komunikasi Melalui Puisi dan Gendang*, (ed.) bersama Mohd. Nefi Imran (Jabatan Pengajian Media, 2001). *Adat Melayu Serumpun* (ed.), (PERZIM dan Penerbit Universiti Malaya, 2002), *Biografi Tan Sri Ismail Hussein Bersama GAPENA*, (Biro Penerbitan GAPENA dan Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan Malaysia: 2003), *Kepimpinan Adat Melayu Serumpun*, (ed.) bersama Hanipah Hussin (Institut Seni Malaysia Melaka, 2004). *Kepimpinan Adat Perkahwinan Melayu Melaka*, (ed.) bersama Hanipah Hussin, (Institut Seni Malaysia Melaka, 2004), *Busana Melaka*, (ed.) bersama Mohd Nefi Imran (Institut Seni Malaysia Melaka, 2004), *Busana Melayu Serumpun*, (ed.) bersama Mohd Nefi Imran (Melaka: Institut Seni Malaysia Melaka, 2004), dan *Pantun dan Ungkapan Indah: Adat Perkahwinan Melayu*, (ed.) bersama Mohd. Rosli Saludin (Institut Seni Malaysia Melaka, 2004).

## **MENGHAYATI FUNGSI KOMUNIKASI PUISI MELAYU DALAM PEMBINAAN JATI DIRI WARGA MALAYSIA**

Bismillahir rahmanir rahim

Ya Allah, ya Tuhanku

Engkau Maha Berkuasa

Maha Pengampun

Maha Pengasih

dan Maha Penyayang.

Ampunilah dosa kami ya, Allah

dosa kedua ibu bapa kami

kasihilah mereka sebagaimana mereka mengasihi kami sejak kecil.

Ampunilah dosa guru-guru kami dan dosa sekalian umat

Muhammad.

Pada Engkaulah kami memohon limpah kurnia

kesejahteraan dan kesihatan

menjadikan kami tetap atas jalan-Mu, ya Allah.

Ya, Allah, ya Tuhan kami

berilah kami ketetapan hati

berjalan atas agama-Mu, ya Allah

dengan rasa rendah diri.

Ikhhlaskanlah hati kami

dalam mencari dan menyebarkan ilmu-Mu



menegakkan tamadun yang Engkau redoi  
tamadun Melayu yang berasaskan Islam.


Kuatkanlah iman kami  
dalam mengawal agama-Mu yang telah Engkau sempurnakan.  
Amin ya Rabbal alamin.

Malaysia sebuah negara yang sedang membangun mempunyai perancangan dan peruntukan yang tinggi terhadap pembangunan pendidikan untuk warganegaraanya. Sains dan teknologi serta bahasa Inggeris diberi perhatian utama demi menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara yang mempunyai warga yang mahir dalam bidang sains dan teknologi dalam menyahut cabaran zaman globalisasi ini. Di samping itu, kita juga membuat persiapan dan menyediakan kemudahan penyiaran yang berbentuk sains sosial dan mewajibkan pelajaran bahasa Melayu, sejarah, dan agama Islam.

Sejauh manakah keberkesanan kita bagi melahirkan generasi warga Malaysia yang mempunyai jati diri serta menghayatinya dengan lebih berkesan? Ini masih menjadi persoalan yang belum terjawab dengan yakin dan tegas.

Jati diri warga Malaysia perlu dilihat dari segi pemahaman sejarah dan sosiobudaya rakyat Malaysia yang tulen. Ini diperkuatkan lagi dengan beberapa peruntukan dalam Perlembagaan Malaysia yang bersifat kebangsaan dan rasmi bagi menjamin perkembangannya dan dihayati oleh setiap warga Malaysia. Selanjutnya diperkukuhkan lagi dengan dasar-dasar kerajaan yang berusaha mewujudkan perpaduan dalam usaha membina sebuah negara bangsa Malaysia yang harmonis dan mempunyai jati diri yang mantap.

Apakah jati diri kita yang sebenarnya? Berdasarkan sejarah rumpun Melayu dan perlembagaan Malaysia, setiap warga Malaysia wajar memahami dan menghayati warisan tamadun Melayu yang diletakkan dalam Perlembagaan Malaysia iaitu Yang DiPertuan Agong, sultan dan raja-raja Melayu adalah ketua negara dan negeri yang berdaulat dan



## Menghayati Fungsi Komunikasi Puisi Melayu dalam Pembinaan Jati Diri Warga Malaysia




akan menjaga agama Islam serta adat istiadat Melayu. Agama Islam menjadi agama rasmi manakala bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan. Kebudayaan Melayu wajib diamalkan oleh orang Melayu dan Bumiputera. Namun begitu, agama, bahasa dan amalan adat etnik lain diberi jaminan dan bebas diamalkan.

Berdasarkan semangat sejarah, Perlembagaan Melayu dan Rukun Negara, maka terbentuk dasar-dasar kerajaan bagi mewujudkan perpaduan dan memantapkan pembinaan negara bangsa Malaysia.

Dasar bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan dan dasar pendidikan terjamin dalam Perlembagaan dalam bentuk akta dan dasar Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan Malaysia. Sewajarnya Dasar Kebudayaan Kebangsaan (1971) dihayati oleh setiap warga Malaysia dan ia dijadikan panduan dan asas penting bagi kita memartabatkan warisan seni budaya rumpun Melayu dan menghormati warisan seni budaya pelbagai etnik di Malaysia. Bagi saya, adalah perlu bagi kita memahami dan menghayati prinsip-prinsip yang terkandung di dalam Dasar Kebudayaan Kebangsaan 1971, iaitu:

1. Kebudayaan Kebangsaan Malaysia haruslah berasaskan kebudayaan asli rakyat rantau ini;
2. Unsur-unsur kebudayaan lain yang sesuai dan wajar boleh diterima menjadi unsur kebudayaan kebangsaan; dan
3. Islam menjadi unsur penting dalam pembentukan kebudayaan kebangsaan.

Kongres Kebudayaan Kebangsaan yang dianjurkan oleh kerajaan pada tahun 1971 telah memutuskan bahawa Malaysia sebagai sebuah negara yang mempunyai penduduk berbilang kaum wajib mempunyai kebudayaan kebangsaannya dengan dasarnya yang tegas bagi mencapai matlamat-matlamat berikut:



1. Mengukuhkan perpaduan bangsa dan negara melalui kebudayaan kebangsaan;
2. Memupuk dan memelihara keperibadian kebangsaan yang tumbuh daripada kebudayaan kebangsaan; dan
3. Memperkayakan dan mempertingkatkan kualiti kehidupan kemusiaan dan kerohanian yang seimbang dengan pembangunan sosioekonomi.

Ini bermakna setiap warga Malaysia sewajarnya mempunyai keperibadian kebangsaan atau jati diri kebangsaan yang berpandukan kebudayaan kebangsaan. Salah satu warisan seni yang boleh ditakrifkan sebagai elemen penting jati diri kebudayaan Malaysia ialah puisi Melayu tradisional. Bagi memantapkan jati diri kebangsaan (setiap warga Malaysia), sewajarnya menghayati puisi Melayu. Ini telah diajar di dalam sistem pendidikan kita sejak sekolah rendah dan menengah.

Bagi saya, menghayati puisi Melayu ini bukan sekadar kita pandai menyebut dan suka mendengarkan dendangannya sahaja, tetapi sewajarnya kita mengenali, memahami, mendendangkan, suka mendengar dan memperkembangkan puisi Melayu ini ke semua peringkat. Kelemahan kita hanya suka beretorik tentang keindahan puisi Melayu, tetapi sebenarnya kita tidak menghayati melainkan mereka yang mengutamakan ketinggian ilmu, estetika dan pengalaman seni.

Memandangkan puisi Melayu mempunyai nilai keilmuan dan warisan ketamadunan Melayu yang sangat tinggi nilainya, maka sewajarnya ia diteliti dan dididik dalam sistem pendidikan negara kita dengan menggunakan kaedah multi disiplin untuk seni sastera, estetika, seni persembahan, komunikasi dan lain-lain.

Komunikasi adalah satu disiplin sains sosial yang telah berkembang dan diajar hampir di semua pusat pengajian tinggi di dunia. Malangnya, ada di antara negara-negara yang sedang membangun terikut-ikut dengan sistem pendidikan Barat yang mementingkan teori baru dan pemahaman teknologi baru, budaya massa baru dan sebagai.

## Menghayati Fungsi Komunikasi Puisi Melayu dalam Pembinaan Jati Diri Warga Malaysia



Dalam sistem pendidikan, komunikasi budaya, komunikasi tradisional, dan sejarah komunikasi kurang diberi perhatian. Ini boleh menyebabkan pelajar-pelajar komunikasi kita kurang memahami warisan seni budaya sendiri seterusnya tidak mempunyai jati diri kebangsaan yang mantap.

Sejak *information communication technology* (ICT) berkembang dan berpengaruh dalam kehidupan kita di alam Melayu, globalisasi menjadi satu cabaran tidak nyata yang menghambat kita untuk terus laju bergerak ke hadapan tanpa tahu tuju apa yang semestinya bagi memenuhi keperluan. Soalnya, keperluan siapa yang perlu dipenuhi: dunia?, negara?, bangsa?, masyarakat?, atau diri sendiri? Ironisnya tentang ICT ialah kita dihambat atau kita menghambat? Ini tidak ubah seperti ketakutan kepada sang momok dan kita pun bertempieran lari tanpa arah. Depan kita nanti cuma ranting rapuh yang akan memangsakan kita. Kekuatan apa yang kita ada?

Pada tanah yang bertapak, itulah titik mula. Tanah sebuah negara yang isi kandungannya menjadi tanggungjawab setiap manusia. Tanah inilah rumah kita dengan laman murninya sebuah peradaban ibu kandung. Yang kita pelihara ialah rumah (negara) kita.

Kembali kepada ibu kandung; memikirkan keperluannya, maka di situ mula kita susun langkah tanpa lupa diri.

*Kalau sudah lupa diri  
alamat bala menimpa negeri.*

(Tenas Effendy, 2004)

Masyarakat Malaysia hari ini telah diburu pelbagai kejahatan hasil tangan kita sendiri.

Telah diperingatkan dalam *al-Quran* bahawa tidak berlaku kerosakan di darat dan di laut melainkan hasil tangan manusia itu sendiri. Krisis sosial yang berlaku akhir-akhir ini sangat membimbangkan, lebih-



..... : : : : :  
lebih lagi kepada generasi muda dan belia yang bakal kita amanahkan sebuah negara dan peradaban yang telah pemimpin-pemimpin kita bina.

Dalam hal ini, setelah pembangunan material hampir sempurna untuk sebuah negara seperti Malaysia, telah tiba masanya tumpuan kita kepada pembinaan jati diri, sahsiah bangsa Malaysia. Keperluan ini merupakan keperluan mutlak kerana masyarakat Malaysia merupakan entiti yang membina sebuah negara. Keperluan sempurna sebuah negara ialah mempunyai bangsa, mempunyai agama, bahasa, dan budayanya. Semua ini telah lengkap dalam sebuah perlembagaan yang telah mengupas segala keperluan negara berdaulat seperti Malaysia. Yang menjadi masalah dalam pembinaan sebuah negara ialah entiti dalam negara itu, iaitu masyarakat. Apakah setiap masyarakat menerima hakikat bahawa setiapnya mempunyai tanggungjawab membina negara. Saya menekuni bidang seni budaya dan mendapati persoalan inti ialah pembinaan jati diri. Masyarakat Malaysia secara amnya tidak dapat memahami apa yang dimaksudkan dengan jati dan penghayatannya pada isinya.

Sesebuah bangsa memerlukan dasar normatif yang dengan kata mudahnya norma-norma sosial yang dikongsi bersama dan dijadikan manusia itu saling memerlukan antara satu sama lain. Cabaran yang kita hadapi pada hari ini perlu ditangani dengan tindak yang berpandukan kepada di mana kita bertapak. Dalam hal ini, selain agama, budaya adalah perkara utama yang perlu diketegahkan untuk membina jati diri yang sempurna sesuai dengan acuan bangsa kita. Fokus pembentukan budaya ini ialah kepimpinan berkesan, etika, ilmu dan jati diri.

Yang dimaksudkan dengan jati diri ialah kekuatan dalaman, ketekalan, ketabahan dan segala yang membawa maksud teguh yang berpasak kukuh dalam diri sehingga tidak dapat diganggu-gugat. Untuk menghadapi cabaran globalisasi dan segala cabaran dari luar, masyarakat perlulah mempunyai kekuatan ilmu berlandaskan agama dan norma-norma masyarakat (seperti yang digariskan dalam Perlembagaan Malaysia) sehingga dapat menyaring unsur-unsur luar yang masuk dalam

## Menghayati Fungsi Komunikasi Puisi Melayu dalam Pembinaan Jati Diri Warga Malaysia



budaya masyarakat kita. Nilai positif yang diserap perlu kepada kekuatan ilmu dan nilai negatif yang disingkir perlu kepada semua unsur yang mencirikan jati diri.

Dalam mendepani cabaran hari ini, budaya saing dan budaya juang menjadi penting supaya kita tidak statik berada di tapak kita berdiri. Di sinilah perlunya kita melangkah menuju kepada pembangunan untuk keperluan agama kita, bangsa kita dan negara kita.


Dalam konteks pembinaan jati diri warga Malaysia, pemimpin memainkan peranan yang sangat penting dalam masyarakat Malaysia. Maka seorang pemimpin itu harus mempunyai sikap dan sifat terpuji yang dapat dicontohi oleh orang bawahnya. Dalam hal ini, wacana pemikiran Bapak Tenas Effendy sesuai dijadikan pedoman kerana pemikirannya masih dalam konteks budaya dan cara hidup masyarakat Melayu iaitu yang disebut dalam Dasar Kebudayaan iaitu harus berteraskan budaya Melayu.

Bagi beliau, seorang pemimpin harus mempunyai ketrampilan diri dan memiliki ciri-ciri kepemimpinan. Dia perlu peka, cepat bertindak, menjadi pendamai, berupaya mengurus, cergas, dan faham budaya yang didukung oleh masyarakat yang dipimpinnnya. Dalam hal ini seorang pemimpin perlu bermesyuarah untuk lebih memahami kepentingan peranannya dalam masyarakat. Untuk mengetahui keutamaan mesyuarah dan mufakat dalam kehidupan orang Melayu:

Apa tanda Melayu jati,  
musyawarah mufakat tempatnya mati.

Apa tanda Melayu jati,  
musyawarah mufakat tempatnya berdiri

Apa tanda Melayu jati,  
musyawarah mufakat tempatnya ia taati.





Apa tanda Melayu jati,  
musyawarah mufakat pegangan diri.

Apa tanda Melayu jati,  
musyawarah mufakat ia mengerti.

Apa tanda Melayu jati,  
musyawarah mufakat ke tengah ke tepi.

Apa tanda Melayu bertuah,  
duduk tegaknya bermusyawarah.

Apa tanda Melayu bertuah,  
sebarang kerja musyawarah.

Apa tanda Melayu beradat,  
hidup di dalam musyawarah mufakat.

Apa tanda Melayu beradat,  
hidup rukun dalam sepakat.

Apa tanda Melayu beradat,  
sebarang kerja ia mufakat.

Apa tanda Melayu beradat,  
berunding tidak memilih tempat.

Apa tanda Melayu beradat,  
hidup mati dalam muafakat.

Apa tanda Melayu beradat,  
dengan musyawarah menegakkan adat.



## Menghayati Fungsi Komunikasi Puisi Melayu dalam Pembinaan Jati Diri Warga Malaysia



Apa tanda Melayu beradat,  
hidup tidak meninggalkan mufakat.

Apa tanda Melayu beradat,  
duduk berunding mencari mufakat.

Apa tanda Melayu beradat,  
pantang berunding mencari mufakat.

Apa tanda Melayu beradat?  
sama saudara ia sepakat,  
sama sebangsa ia mufakat,  
apa tanda Melayu beradat,  
pantang duduk meninggalkan mufakat,  
pantang tegak membuang sepakat,  
pantang berjalan tidak seniat,  
pantang berkayuh tidak sebuat,  
pantang memakai tidak seadat.

Apa tanda Melayu berbudi,  
musyawarah dijunjung, mufakat dihormati.

Apa tanda Melayu pilihan,  
musyawarah mufakat jadi amalan.

Apa tanda Melayu pilihan,  
di atas mufakat ia berjalan.

Apa tanda Melayu pilihan,  
pada musyawaran ia bertahan.





**Menghayati Fungsi Komunikasi Puisi Melayu  
dalam Pembinaan Jati Diri Warga Malaysia**



Apa tanda Melayu berbangsa,  
dalam musyawarah bertenggang rasa.

Apa tanda Melayu berbangsa,  
berunding tiada memaksa-maksa.

Apa tanda Melayu terpendang,  
berunding tidak bangkang-membangkang.

Apa tanda Melayu senonoh,  
mufakat usai ianya patuh.

Apa tanda Melayu beriman,  
musyawarah tidak makan-memakan.

Apa tanda Melayu beriman,  
berunding tidak tekan-menekan.

Apa tanda Melayu beriman,  
dalam musyawarah pantang menyeman.

Apa tanda Melayu bermarwah,  
musyawarah tidak sergah-menyergah.

Apa tanda Melayu bermarwah,  
berunding tidak fitnah-menfitnah.

Apa tanda Melayu bermarwah,  
dalam mufakat ia berumah.





## Menghayati Fungsi Komunikasi Puisi Melayu dalam Pembinaan Jati Diri Warga Malaysia



Dalam ungkapan adat disebut:

Yang dikatakan tahu diri,  
tahu hak dan kewajiban,  
tahu hutang beserta beban,  
tahu adat jadi pegangan,  
tahu syarak jadi sandaran,  
tahu sunnah jadi pedoman,  
tahu pusaka jadi warisan,  
tahu ico dengan pakaian,  
tahu adab dengan sopan,  
tahu di mana tempat berjalan,  
tahu hidup berkesudahan,  
tahu mati berkekalan

Dalam kehidupan sehari-hari, orang yang tahu diri akan memperkenalkan kelakuan terpuji, menunjukkan budi pekerti mulia, rendah hati, mentaati agama, beriman, bertenggang rasa, suka menolong, rajin bekerja, jujur dan setia, dan sebagainya yang secara keseluruhan memperlihatkan perilaku yang baik. Di dalam *Tunjuk Ajar Melayu*, keutamaan dan kelebihan orang yang tahu diri ini digambarkan dalam ungkapan sebagai berikut:

Apa tanda Melayu jati?  
tahu kepada diri sendiri,  
tahu syarak dan sunnah Nabi,  
tahu asal mula jadi,  
tahu hidup akan mati,  
tahu pelabuhan tempat berhenti,  
tahu jalan yang kan dititi,  
tahu hidup membalas budi,  
tahu setia mentaati janji,





## Menghayati Fungsi Komunikasi Puisi Melayu dalam Pembinaan Jati Diri Warga Malaysia



tahu kampung ada tuanya,  
tahu negeri ada rajanya,  
tahu alim ada kitabnya,  
tahu guru ada ilmunya,  
tahu rantau ada undanginya.

Apa tanda orang beradat?  
tahu hidup menjaga tabiat,  
tahu bergaul menjaga sifat,  
tahu melangkah tidak menyesat,  
tahu berkata tidak mudarat,  
tahu duduk dalam ingat,  
tahu tegak dalam minat,  
tahu makan berhemat jimat,  
tahu bekerja secara cermat,  
tahu memakai bertempat-tempat.

Apa tanda orang terbilang?  
tahu diri menjadi orang,  
tahu bercakap tidak terbuang,  
tahu hidup mengandung hutang,  
tahu membalas budi orang,  
tahu menyukat serta menimbang,  
tahu kepada pantang larang.

Apa tanda orang berbudi?  
tahu memelihara budi pekerti,  
tahu hidup berputih hati,  
tahu kepada kebodohan diri,  
tahu harta membawa bala,  
tahu pangkat membawa mudarat,  
tahu puji membawa keji,



tahu sayang membawa malang,  
tahu kasih membawa selisih.

Apa tanda orang berbangsa?  
tahu menjaga budi bahasa,  
tahu hidup bertenggang rasa,  
tahu memandang bijak merasa,  
tahu beramal berbuat jasa,  
tahu bergaul sama sebangsa,  
tahu bercakap tak sia-sia,  
tahu bekerja tidak menyiksa,  
tahu melangkah tidak binasa.

Apa tanda tahu diri?  
hamba tahu akan Tuhannya,  
anak tahukan orang tuanya,  
raja tahukan daulatnya,  
alim tahukan kitabnya,  
penghulu tahu kan adatnya,  
hulubalang tahu kan kuatnya,  
cerdik tahu kan bijaknya,  
guru tahu kan ilmunya,  
tua tahu kan amanahnya,  
muda tahu kan kurangnya,  
bebal tahu kan pandirnya,  
lebih tahu kan kurangnya.

Tahu hidup dikandung adat,  
tahu mati dikandung syarak,  
tahu beramal mencari bekal,  
tahu bekerja mencari akal.

## Menghayati Fungsi Komunikasi Puisi Melayu dalam Pembinaan Jati Diri Warga Malaysia




Tahu bekal turun-temurun,  
bekal ilmu supaya tahu,  
bekal harta untuk pusaka,  
bekal adat untuk akhirat.

Tahu ke laut meniti buih,  
tahu ke darat meniti onak,  
tahu menyimak kicau murai,  
tahu mendengar angin lalu,  
tahu menengok bayang-bayang.

Bapak Tenas Effendy merupakan seorang budayawan yang sangat memandang berat pembinaan jati diri bangsa Melayu. Beliau menekankan peranan seorang pemimpin. Ini sangat wajar kerana norma budaya dan masyarakat di Malaysia (walaupun pelbagai kaum) khususnya masyarakat Melayu sangat mengutamakan pemimpin. Pengutamaan ini harus mempunyai sifat timbal balik dan akhirnya seorang pemimpin dituntut dan wajib memiliki keperibadian terpuji; memenuhi syarat yang sudah ditetapkan sebagai acuan dasar, sesuai menurut ketentuan yang berlaku, baik formal mahupun tidak. Keperibadian amatlah menentukan “jenis” pemimpin, dan amat menentukan pula dalam kepemimpinannya. Orang Melayu yakin, bahawa pemimpin yang berkeperibadian mulia, tentulah akan mampu membawa masyarakatnya kepada kebahagiaan dan kesejahteraan. Sebaliknya, pemimpin yang rosak akhlaknya tentulah akan merosakkan masyarakat dan negerinya.

Dalam ungkapan adat dikatakan: “tuah ayam pada sisiknya, tuah manusia pada baiknya”; “tuah kain pada tenunnya, tuah pemimpin pada santunnya”; “tuah kayu elok buahnya, tuah Melayu elok maruahnyanya”. Selanjutnya dikatakan, “elok kain elok raginya, elok pemimpin elok negerinya” atau “elok kain elok coraknya, elok corak sedap dipakai, elok pemimpin elok akhlaknya, elok akhlak memimpin sesuai”. Sebaliknya, apabila akhlak pemimpin sudah rosak, maka negeri dan



masyarakatnya akan binasa, sebagaimana di~~s~~ebutkan dalam ungkapan, “bila kain sudah koyak, bila dipakai aib tersingkap, bila pemimpin sudah rosak, bila dipakai umat menghidap”; atau dikatakan, “bila kain sudah lapuk, bila dipakai tentulah koyak”, “bila pemimpin akhlaknya buruk, aib terburai umat bergasak”.

Dalam tradisi Melayu sering digunakan perumpamaan atau kiasan atau lambang-lambang yang digunakan untuk menyatakan sesuatu secara tersirat yang memerlukan kecermatan untuk memahaminya. Demikian pula halnya dalam menentukan jenis pemimpin. Hal ini secara jelas akan kelihatan daripada senarai jenis pemimpin yang diperturunkan dalam ungkapan berikut:

Pemimpin abdi iaitu pemimpin yang tulus ikhlas mengabdikan diri dan hidupnya untuk kepentingan masyarakat.

Pemimpin menjadi abdi rakyat,  
hidupnya menyatu dengan masyarakat,  
menjalankan tugas ianya taat,  
bekerja rajin beramal kuat,  
dengan orang tua-tua ianya dekat,  
dengan yang muda-muda ia bersifat.

Duduk tegaknya elok tabiat,  
sebarang kerja dengan muafakat,  
sebarang laku menuruti adat.

Dijadikan pemimpin besar manfaat,  
negeri sentosa sempurna umat,  
orang suka jauh dan dekat,  
rahmatnya ada dunia akhirat.

Dijadikan tua ianya tepat,  
kerana hidupnya bersama umat,

## Menghayati Fungsi Komunikasi Puisi Melayu dalam Pembinaan Jati Diri Warga Malaysia



memimpin negeri membawa berkat,  
tuahnya banyak maruah terangkat.

Orang tua-tua menjelaskan bahawa pemimpin abdi adalah pemimpin sejati. Pemimpin yang mampu membawa kesejahteraan bagi umatnya. Dalam ungkapan adat ditegaskan bahawa, “tanda-tanda pemimpin sejati, kepada umatnya ia mengabdikan”; ungkapan yang lain berbunyi, “apa tanda pemimpin terpuji, mengabdikan dirinya hinggalah mati”; atau dikatakan, “apa tanda pemimpin terbilang, mengabdikan dirinya berputih tulang.”

Pemimpin yang sepanjang hayatnya mengabdikan dirinya untuk kepentingan bangsa dan negerinya amatlah dimuliakan dan didambakan oleh setiap insan Melayu. Sifat pengabdian ini tercermin pula dalam untaian ungkapan adat yang menyebutkan:

Yang disebut pemimpin abdi,

hidup berjasa mati berbudi,  
kepentingan umat ia santuni,  
kepentingan negeri ia dahului,  
kepentingan dirinya ia batasi.

Yang disebut pemimpin abdi,  
mengabdikan dengan sepenuh hati,  
aral melintang ia hadapi,  
beban yang berat ia atasi,  
penat letih ia tak lesi,  
tulusnya melekat di lubuk hati.

Dijadikan tua ia sempurna,  
dijadikan induk ia ternama,





## Menghayati Fungsi Komunikasi Puisi Melayu dalam Pembinaan Jati Diri Warga Malaysia



Sebagai pemimpin ia utama,  
dada berisi ilmu sempurna,  
menjalankan tugas sehabis daya,  
memikul beban sekuat tenaga,  
rakyat dibela negeri dipelihara.

Hati bersih budi pun mulia,  
bekerja dengan ikhlas dan rela,  
berkorban berjasa dengan baiknya.

Dijadikan pemimpin negeri sejahtera,  
dijadikan tua tidak tercela,  
dijadikan induk kuat membela,  
dijadikan tiang kuat menyangga,  
dijadikan tudung kuat naungnya,  
dijadikan pucuk kuat minatnya.

Bila dipilih hilang selisih,  
bila diangkat hilang maksiat,  
memimpin negeri tuah berdiri,  
memimpin umat beroleh rahmat.

Kehebatan Bapak Tenas Effendy ialah kehalusan bahasanya melalui ungkapan pepatah petitiuhnya yang halus dan berbudi. Demikian, dalam konteks masyarakat Melayu dan konteks pembinaan jati diri warga Malaysia, komunikasi harus memainkan peranan yang cukup besar sehingga kita dapat membuat teguran hatta kepada seorang pemimpin. Demikian juga seorang pemimpin, dapat membina peribadi masyarakatnya melalui peranan puisi Melayu kerana inilah nilai dan budaya masyarakat Melayu yang berkomunikasi secara lisan dan tanpa lisan tetapi sangat komunikatif.



.....

## Menghayati Fungsi Komunikasi

Gerald M. Golhaber telah mentakrifkan komunikasi sebagai “proses penciptaan dan pertukaran mesej”. Aspek yang ditekankan bukanlah mesej yang bertulis sebagaimana yang diistilahkan sebagai ‘mesej bukan lisan, adalah terutamanya mencakup mesej yang tiada dituturkan. Bagaimanapun, aspek yang ditumpukan oleh beliau dalam bukunya *Komunikasi dalam Organisasi* adalah seperti nada suara, bunyi dan kedelasan dan bukannya perkataan tertentu ataupun maksudnya.

Manusia boleh berkomunikasi melalui gerak anggota badan; penggunaan nada vokal, nada suara, kadar bunyi suara, yang merupakan bentuk komunikasi; dan masa, ruang, seni bina, dan artifek pula merupakan bentuk komunikasi persekitaran. Dengan itu, jelaslah bahawa komunikasi bukan lisan bertanggungjawab melahirkan perasaan, sikap, yakni yang dianggap sebagai unsur utama bagi kebanyakan hubungan antara perseorangan.

Gerald M. Golhaber menyebut bahawa kebanyakan penyelidikan yang dibuat tentang perilaku fizikal badan boleh dibahagikan kepada empat iaitu muka, perawakan dan gerak-geri, sentuhan dan bentuk badan.

Ekspresi muka dapat memberikan kesan langsung kepada komunikan tetapi dari segi ukuran sangat subjektif dan sukar diukur. Ekspresi muka dapat melahirkan beberapa emosi dengan serentak dan tidak hanya suatu emosi sahaja.

Penciptaan Facial Affect Scoring Technique (FAST) oleh Ekman (1969) membolehkan para penyelidik mengenal pasti enam bentuk emosi (gembira, marah, terkejut, dukacita, benci, dan takut) dengan memerhatikan tiga bahagian muka: bahagian dahi, pangkal hidung, dan bahagian pipi hingga ke dagu. Dengan latihan yang paling minimum, kira-kira enam jam, penghantar maklumat boleh menjadi cekap dalam menggunakan teknik FAST ini. Knapp (1978) telah meringkaskan beberapa bukti yang dihasilkan dengan menggunakan FAST: (1) Peramal



yang terbaik sekali untuk menunjukkan “kegembiraan” adalah bahagian bawah muka dan kawasan mata; (2) mata dapat menunjukkan perasaan “dukacita”; (3) kawasan mata dan bahagian bawah muka dapat menunjukkan perasaan “terkejut”; (4) “marah” dapat dikenalpasti melalui pernyataan bahagian bawah muka dan dahi; (5) bahagian bawah muka dapat meramalkan perasaan “kecewa”; dan (6) “takut” dipaparkan dengan jelasnya di bahagian mata.

Efron juga telah mengingatkan kita tentang kerumitan bagi memerhatikan perawakan apabila beliau menunjukkan terdapatnya perbezaan budaya di dalam bahasa badan. Knapp (1978) telah menegaskan bahawa perawakan mungkin memberi maklumat yang berikut iaitu sikap, status, emosi, perasmaraan, dan kemesraan.

Selain itu, sentuhan merupakan komunikasi tanpa lisan yang bertindak secara langsung dengan komunikan. Spitz menunjukkan bahawa bayi biasanya tidak akan membesar secara normal melainkan mereka itu disentuh oleh orang lain. Tiap-tiap manusia perlu menyentuh dan disentuh. Tiap-tiap seorang daripada kita mempunyai fikiran dan perasaan yang begitu mendalam dan ada yang terlalu bersifat peribadi sehingga menyebabkan kata-kata tidak memberi sebarang kesan.

Beberapa penyelidikan mengesahkan kebanyakan daripada perilaku yang baru sahaja dinyatakan di atas. Keadaan fizikal yang menarik nampaknya dapat menonjolkan kredibiliti seseorang itu. Sheldon (1940) telah mencipta suatu sistem untuk mengkategorikan badan mengikut bentuknya yang tertentu dan menyimpulkan bahawa terdapat tiga jenis bentuk badan: ektomof (kurus, tinggi), endomof (gemuk, londeh, bulat) dan mesomof (berotot keras, kuat). Wells dan Siegel telah menunjukkan adanya kepercayaan di kalangan orang ramai bahawa “perasaan yang berbeza wujud pada anggota badan yang berlainan”. Dengan memerhatikan gambar tiga jenis badan yang berlainan, badan ektomof mewakili anggota yang lebih kurus, lebih muda dan tinggi, lebih gemuruh dan terketar-ketar dan kurang bersifat kejantanan. Badan endomof mewakili anggota yang lebih gemuk, lebih tua, lebih pendek,



kurang menarik dan bercakap lebih. Badan mesomorf diwakili oleh anggota yang lebih kuat, bersifat kejantanan, menarik, lebih muda dan lebih tinggi.

Suara manusia juga begitu berperanan dalam menyampaikan mesej. Angkubah-angkubah seperti sebutan, tinggi rendah suara, pernafasan, dan nada suara memberi maklumat yang banyak tentang seseorang penutur seperti sikap, status, dan perasaan. Ramai penyelidik merujuk kajian tentang suara manusia sebagai *paralinguistik* yang mereka bahagikan kepada beberapa segmen (yang berkaitan penerang bentuk vokal) dan vokalisasi. Segmen adalah kualiti suara seperti nada suara, ketinggian, getaran, kelajuan dan rentak. Vokalisasi pula adalah seperti ketidakfasihan, keterhentian suara dan sifat-sifat vokal seperti ketawa, menguap dan menangis.

Unsur kita dalam paradigma komunikasi dalam organisasi ialah persekitaran. Pengaruh persekitaran memberikan kesan yang besar kepada diri manusia. Dalam hal ini suka diingatkan tentang pengaruh budaya dan persekitaran itu sangat penting dan perlu diberi perhatian oleh seorang pemimpin. Seorang pemimpin perlu memahami wilayah dan ruang supaya dapat memelihara dan melindungi wilayahnya dan tidak mencerooboh wilayah orang lain. Manusia berkomunikasi dengan badan mereka; ciri-ciri vokal merupakan kaedah yang melaluinya mesej bergerak; dan ruang, masa, reka bentuk, dan artifek merupakan jurusan komunikasi bagi persekitaran. Komunikasi bukan lisan adalah komunikasi perasaan dan sikap dan patut dimengertikan hanya di dalam konteks suasana komunikasi yang menyeluruh.

Hasil penyelidikan dan pengamatan melalui kerja-kerja pembangunan budaya, saya dapati puisi merupakan media yang sangat berkesan dalam masyarakat Melayu. Ini kerana elemen-elemen seperti maklumat, pendidikan, hiburan dan sosialisasi terpadu dalam puisi Melayu.

Menyedari kepentingan inilah maka Jabatan Pengajian Media, Universiti Malaya telah memperkenalkan disiplin komunikasi (disiplin

## Menghayati Fungsi Komunikasi Puisi Melayu dalam Pembinaan Jati Diri Warga Malaysia




ini sebelumnya telah diperkenalkan di Malaysia pada awal tahun 1970-an di Institut Teknologi MARA (ITM). Seterusnya diikuti di Pusat Pengajian Tinggi yang lain seperti Universiti Sains Malaysia, Universiti Kebangsaan Malaysia, Universiti Malaya, Universiti Putra Malaysia dan hampir semua Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA) dan Institut Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) memperkenalkan kursus yang berdisiplin komunikasi.

Umumnya IPTA dan IPTS melihat kursus yang berkaitan komunikasi penting kerana di zaman sains dan teknologi dan era globalisasi ini menuntut kita meletakkan ilmu komunikasi sebagai disiplin sains sosial yang penting. Memandangkan ilmu komunikasi mempunyai matlamat untuk memberi maklumat, berita, pengetahuan dan hiburan, maka ia sentiasa menjadi perhatian dan ia selalu dihubungkan dengan *information communication technology* (ICT).

Penyelidikan dan penerbitan yang berkaitan dengan media warisan amat kurang dijalankan dan dihasilkan oleh para sarjana media dan komunikasi tanah air kita. Bagi saya, kita amat memerlukan buku rujukan untuk memahami komunikasi tradisi Malaysia. Pengajian media dan komunikasi di negara kita harus bertolak daripada budaya bangsa Malaysia supaya pembinaan jati diri warga Malaysia tidak terganggu dengan corak dan acuan Barat. Ia boleh dijadikan asas pembelajaran dan sebagai satu bangsa yang bertamadun, mempunyai sistem dan kaedah komunikasi yang tersendiri yang penuh dengan adab dan sopan (dalam komunikasi tanpa lisan) dan ajaran Islam sebagai pedoman yang mendasari komunikasi tradisional Melayu.

Sehubungan ini Jabatan Pengajian Media, Universiti Malaya telah memperkenalkan kursus Media Warisan (menggunakan disiplin komunikasi tradisional). Di samping kursus-kursus yang berkaitan dengan penulisan, Jabatan Pengajian Media turut memperkenalkan kursus-kursus yang berkaitan dengan media untuk melahirkan lebih ramai golongan penulis profesional yang terlatih bagi mengisi kekosongan jawatan tertentu di media cetak, media elektronik, agensi periklanan





## Menghayati Fungsi Komunikasi Puisi Melayu dalam Pembinaan Jati Diri Warga Malaysia



Melalui kursus ini, Jabatan Pengajian Media berharap agar pelajar akan dapat menghayati dan memanfaatkan kursus Media Warisan yang dipadukan dengan sistem media moden, seperti ICT. Dalam dunia yang serba moden dan berfikiran global ini, kita boleh menggunakan seni persembahan tradisi seperti boria, dikir barat, nazam dan lain-lain bagi menyampaikan mesej kepada orang ramai dengan lebih berkesan melalui iklan dan segala bentuk persembahan. Di samping penonton terhibur, mereka dapat menerima mesej atau pesanan melalui kaedah komunikasi lisan dan tanpa lisan dengan lebih berkesan. Dalam konteks ini, penuntut dilatih agar berfikiran kreatif supaya mampu menghayati dan menggunakan warisan seni persembahan Malaysia dalam sistem media moden.

Dalam sistem pembelajaran Media Warisan, penekanan ialah kepada:

- Pengertian sejarah dan konsep media warisan;
- Bentuk dan jenis media warisan Malaysia seperti drama, bangsawan, puisi lagu, cerita rakyat, tarian dan lain-lain;
- Perbandingan antara media warisan di Malaysia dengan beberapa negara di alam Melayu; dan
- Kepentingan media warisan dalam sistem media moden di Malaysia.

Setiap penuntut dilatih membuat penyelidikan lapangan mengenai salah satu genre seni dan membuat persembahan tradisional sebagai satu usaha penghayatan seni budaya yang semakin tidak diminati. Ini sudah cukup bermakna apabila kita dapat memperkenalkan sesuatu budaya yang begitu asing bagi sesetengah kaum untuk difahami dan dihayati oleh mereka. Pelajar-pelajar juga dilatih menulis dan mencipta lirik atau puisi atau pepatah petiuh yang asli dan bertemakan isu semasa. Bagi memantapkan pemahaman dan implikasi media warisan kepada teknologi multimedia, satu Seminar Media Warisan telah diadakan.



Selama ini, pengajaran puisi dalam sastera Melayu di IPT memberi perhatian kepada analisis dan pemahaman teks. Umumnya kurang menghayati puisi sebagai wahana yang boleh dijadikan sebagai alat menyampaikan mesej dan boleh mempengaruhi penonton dengan mendendangkan atau melagukan puisi dengan pelbagai irama.

Kekosongan ini perlu diisi dengan satu kaedah pembelajaran yang sesuai. Disiplin komunikasi tradisional yang mengutamakan komunikasi lisan dan tanpa lisan boleh dijadikan panduan bagi mencapai matlamat berkomunikasi dan meletakkan puisi sebagai alat pengucapan atau genre sastera yang berseni dan mempunyai nilai estetika yang tersendiri.

Walaupun puisi (komponen sastera) wajib dipelajari dalam mata pelajaran bahasa Melayu, pelajar hanya diwajibkan dan didedahkan dengan analisis teks bagi mendapat markah. Ini bermakna penghayatan puisi yang perlu didendangkan atau dilagukan dengan pelbagai irama tidak diwajibkan. Adalah menjadi harapan kita agar kaedah penghayatan puisi ini wajar diwajibkan dan dikira dalam permorkahan. Pelajar wajar didedahkan kaedah dan pembelajaran yang mementingkan penghayatan dan pemahaman puisi. Guru sastera seharusnya memainkan peranan penting menggunakan kaedah penghayatan dan pemahaman dengan lebih teratur dan terarah. Model pengajaran yang digunakan dalam kursus Media Warisan ini boleh dijadikan panduan kepada guru-guru sastera di sekolah-sekolah.

### **Pelbagai Genre Puisi Melayu**

Puisi ialah karangan berangkap; mempunyai khalimat yang tidak bebas terutama dari segi pemilihan diksi, rima dan suku kata. Umumnya karya pelbagai genre puisi Melayu mempunyai pemikiran yang kritis, nilai yang tinggi, mesej yang tersurat dan tersirat dan mempunyai falsafah yang tersendiri. Biasanya, bahasa yang digunakan dalam pelbagai genre puisi Melayu adalah secara terhad, padat dan tepat, mengandungi kiasan dan makna yang mendalam dan dapat memberikan kesan kepada pendengar



serta mendapat tindak balas pendengarnya. Bagi Harun Mat Piah (1987) puisi Melayu tradisional sebagai media komunikasi lahir bukan sekadar berfungsi hiburan, pengajaran dan alat komunikasi secara umum, tetapi puisi Melayu ini dapat diserapkan ke dalam kegiatan hidup masyarakat seperti upacara dan ritual, adat dan perundangan, serta agama.


Bagi menentukan identiti sesebuah puisi, kita perlu melihat atau mendasarkan kepada tiga aspek penting iaitu struktur atau bentuk binaannya, temanya, isinya, persoalannya dan fungsi puisi tersebut dalam masyarakat. Hakikatnya, puisi Melayu tradisional mendapat pengaruh puisi Arab-Parsi atau disadur daripada puisi Arab-Parsi yang dibawa oleh pedagang-pedagang Islam seperti syair, rubai, qita'ah, nazam, masnawi, ghazal, zikir, berzanji dan sebagainya. Di samping itu, terdapat juga pengaruh dari India seperti puisi gurindam dan seloka (Harun Mat Piah, 1989) dan berasal dari alam Melayu seperti pantun, endoi, pepatah-petitih, teromba, teka-teki, rejang, zikir barat dan lain-lain.

### **Syair**

Syair berasal daripada bahasa Arab yang membawa erti puisi atau karangan indah berangkap. Syair Melayu yang asal mengandungi empat baris serangkap dengan irama a,a,a,a. Harun Mat Piah (1989:242) berpendapat bahawa isi dan tema syair Melayu terdiri daripada syair berupa cerita-cerita romantis, cerita sejarah, keagamaan, kiasan. Terdapat juga syair yang bukan cerita tetapi nasihat umpamanya nasihat agama. Setiap baris syair membawa maksud atau mempunyai mesej dan biasanya disampaikan secara lisan dan gerak anggota badan dan mimik muka merupakan komunikasi tanpa lisan yang sangat mempengaruhi penghayatan syair yang didendangkan.

Syair Nasihat

Syair Kelebihan Ilmu: Ilmu Itu Bekalan Hidup



Berkata ilmu akulah sultan,  
Kerajaan aku darat dan lautan,  
Jahil berseru akulah syaitan,  
Ikutlah aku merata hutan.

Ilmu itu gemala sakti,  
Sinarnya cerah cahaya sejati,  
Asal puncanya lamun didapati,  
Sukar bercerai sehingga mati.

Harganya tidak dapat ternilaiikan,  
Sebuah dunia belinya bukan,  
Kuasanya bersukat digunakan,  
Di laut, di darat, di rimba dan pekan.

Jasa seorang ialah taulan,  
Temän berbeka suluh berjalan,  
Jasa berhimpun ialah pengenalan,  
Hiasan penyata polan si polan.

Bagi yang duka ia penghibur,  
Ia penerang bagi yang kabur,  
lalah kandil di dalam kubur,  
Lamun dengannya beramal subur.

lalah penerang ke jalan syurga,  
Ia pemuas tekak dan dahaga,  
lalah sungai ialah telaga,  
Laut yang luas ialah juga.

lalah alat sangat berguna,  
Idaman orang yang bijaksana,



Hampirnya luas pandang sejuta,  
Tepinya ajal sempadannya fana.

Sumber: Diturunkan oleh Haji Abd. Rahim Shafie, Langkawi, Kedah kepada Wahyunah Haji Abd. Gani dan Mohamad Shaidan (peny.), 2000 dalam *Puisi Melayu Lama Berunsur Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka

Pada masa sekarang, syair turut digunakan di majlis-majlis perkahwinan dan majlis sambutan hari kebesaran seperti meraikan Bulan Kemerdekaan 2004. GAPENA turut mempopularkan pembacaan puisi tradisional seperti syair, seloka dan gurindam di Festival Sastera Bulan Kemerdekaan 2004 di Ipoh, Perak. Di antara syair yang diperkenalkan ialah syair bertajuk “Cemerlang Gemilang Terbilang” karya Tengku Alaudin Tengku Abdul Majid. Syair ini berfungsi untuk memberikan maklumat dan mendidik serta menanamkan semangat cinta kepada negara Malaysia.

### **Cemerlang Gemilang Terbilang**

Syukur ummah ke hadrat Allah,  
Negara kita merdekalah sudah,  
Empat puluh tujuh tahun nan indah,  
Masyarakat majmuk tiada masalah.

Bila saja merdeka didapati,  
Membina negara sudah semesti,  
Semua pemimpin bersatu hati,  
Keamanan negara dijaga pasti.

Ekonomi negara mula dicorak,  
Pembangunan desa mula digerak,



Bukan sahaja menangnya sorak,  
Negara bangsa maju bersemarak.

Banyak dasar digubal dibuat,  
Kedudukan bahasa bangsa diperkuat,  
Dasar Ekonomi Baru pula diangkat,  
Rukun negara dipersembah dinobat.

Tuntutan perpaduan diutamakan,  
Masyarakat majmuk pula disatukan,  
Semua kaum mengalu-alukan,  
Pemimpin luar tangan dihulurkan.

Pemimpin dinamik negara maju,  
Dua puluh dua puluh wawasan dituju,  
Pembangunan negara dipandu laju,  
Hingga disegani bangsa nan maju.

Banyak perubahan menukar wajah,  
Bangsa merdeka tidak lagi dijajah,  
Di antarabangsa sanggup berhujah,  
Utara Selatan Kutub dijelajah.

Dua dekad pemimpin negara,  
Semua masalah dibawa bicara,  
Semangat juang sentiasa membara,  
Negara baru menjadi acara.

Pemimpin agong lagi bistari,  
Sampai masa mengundur diri,  
Bukan nama pangkat dicari,  
Hanya khidmat mulia diberi.

**Menghayati Fungsi Komunikasi Puisi Melayu  
dalam Pembinaan Jati Diri Warga Malaysia**



Pemimpin kita silih berganti,  
Yang baru inginlah berbakti,  
Menjalankan tugas sepenuh hati,  
Keunggulan cara ingin dibukti.

Dasar lama dan dasar baru,  
Keanggunan ummah pula diburu,  
Semoga dasar tidak celaru,  
Islam hadhari pula diseru.

Berusaha ke arah individu cemerlang,  
Untuk menjadikan ummah gemilang,  
Bagi mencapai negara terbilang,  
Dapat menghadapi sebarang petualang.

Itulah tujuan itulah harapan,  
Malaysia Boleh kita laungkan,  
Membena negara bangsa yang sopan,  
Keamanan negara tetap dipertahan.

E.Tan Alaudin, 26 Julai 2004

Nazam adalah bentuk puisi yang digubah oleh ulamak mengikut kaedah dan timbangan puisi Arab. Temanya berhubung keagamaan, pendidikan dan keilmuan. Biasanya nazam terdiri daripada dua baris serangkap dengan jumlah perkataan dan suku kata di dalam sebaris tidak tetap, manakala skema rimanya ialah aa atau ab, cb, db dan seterusnya. Ia mempunyai fungsi komunikasi yang ingin menyampaikan maklumat dan pendidikan seperti ajaran agama Islam dan peristiwa-peristiwa agama yang penting (*Mutiara Sastera Melayu*, 2003:327). Perkembangan nazam di Melaka sekarang selalu mengutarakan ulasan dan pandangan terhadap peristiwa-peristiwa semasa seperti menyambut hari kemerdekaan, Bulan Bahasa dan Sastera Negara dan lain-lain.



Biasanya nazam disampaikan secara komunikasi lisan dan penyampaian secara tidak lisan kurang ditumpukan.

Sebagai media komunikasi, nazam telah digunakan untuk tujuan mendidik (ajaran Islam dalam bentuk komunikasi lisan kepada anak-anak yang baru belajar agama Islam atau kerap didendangkan kepada anak-anak yang ingin tidur. Sekarang fungsi nazam ini sudah berkurangan tetapi nazam telah digunakan di majlis-majlis perasmian kerajaan negeri dengan mereka cipta nazam yang berkaitan tema majlis yang diadakan.

Berikut diperturun nazam oleh Haji Ahmad Mufti Melaka bertajuk “Rukun Islam” dan “Perintah Allah” karya Hajah Ramlah Haji Baba, nazam “Munshi Abdullah” karya Haji Mohd. Yassin Ahmad, nazam “Perjuangan Belum Selesai” karya Haji Ali Bachik dan nazam “Menang Bertanding” karya Sidang Muhamad Abdullah.

### **Nazam: Rukun Islam**

Assalamualaikum, warahmatullahi, wabarakatuh.  
Allahumashalliwassallim, wabarikalaih.  
Bismillahir-Rahmanir-Rahim.

Allah Allah, Azzawajal, Tuhan kami,  
Kami minta, ampun akan, dosa kami.

Dengan Allah, kami mula, nazam ini,  
Sebab dengan, Dia jadi, kitab ini.

Segala puji, bagi Allah, yang menyuruh,  
Dirikan sembahyang, dengan ikhlas, dengan sungguh.

Hai saudara, sembahyang itu, rukun Islam,  
Fardu ain, atas kamu, siang malam.

## Menghayati Fungsi Komunikasi Puisi Melayu dalam Pembinaan Jati Diri Warga Malaysia



Agama Islam, dipersusun, atas lima,  
Mengucap syahadah, itu rukun, yang pertama.

Yang kedua, solat itu, tiang agama,  
Yang ketiga, puasa Ramadan, bulan utama.

Yang keempat, bayar zakat, jika sampai,  
Nisab harta, jangan leka, jangan lalai.

Yang kelima, naik haji, ke Baitullah,  
Jika ada, kuat kuasa, wajiblah.

Allah Allah, Azzawajal, Tuhan kami,  
Kami minta, ampun akan, dosa kami.

Dari Allah, kami datang, asalnya,  
Kepada Allah, kami kembali, akhirnya.

### **Nazam Perintah Allah**

Aku mula kitab ini dengan berkat,  
Nama Allah yang diberi limpah rahmat.

Tuhan kita yang menjadikan,  
Kemungkinan daripada Nabi kita ibu nikmat.

Beri rahmat beri salam atas Nabi,  
Beri pula segala sabar Penghulu kami.

Segala puji bagi Allah yang menyuruh,  
Berdiri sembahyang atas Islam dengan sungguh.





## Menghayati Fungsi Komunikasi Puisi Melayu dalam Pembinaan Jati Diri Warga Malaysia



Tapi jangan benda hormat syarak,  
Seperti tulang dan makanan jaga faraq.

Yang kedua bawa ada batu suci,  
Yang ketiga suci dubur, faraj lagi.

Yang keempat jangan kering dubur qubul,  
Kalau tidak amal kamu tiada kabul.

Yang kelima jangan pindah najis itu,  
Daripada tempat keluar dia itu.

Yang keenam jangan kena najis lain,  
Yang ketujuh, jangan melumur tempat lain.

Yang kelapan, jangan ditunen akan air,  
Walau air itu mutlak jahil.

Wajib basuh segala najis hai saudara,  
Jangan sekali kamu ikut orang lupa.

Najis itu tiga pangkat syarat kata,  
Mughallazah, mukhaffafah bilang dua.

Mutawassitah itu pangkat yang ketiga,  
Hukum basuh semua itu tiada sama.

Mughallazah itu najis anjing babi,  
Tahi dia kencing dia walau mani.

Hukum basuh dia itu tujuh kali,  
Dalam tujuh air tanah satu kali.



Mukhaffafah itu kencing kanak-kanak,  
Jika ada laki-laki itu budak.

Lagi belum sampai umur dua tahun,  
Baik-baik faham kamu cabang pohon.

Lagi pula belum makan akan satu,  
Melain baru dia makan akan susu.

Hukum basuh najis ini pada renjis,  
Merata itu air di atas najis.

Mutawassitah pula kaji,  
Satu lagi macam dia banyak najis punya ingin.

Kencing berak, muntah bangkai itu dia,  
Dari binatang atau pada manusia.

Hukum basuh najis ini curah air,  
Satu kali lintas dia serta mengalir.

Hilang rasa hilang bau hilang rupa,  
Kerja kamu sungguh-sungguh hai saudara.

Jika tinggal bau saja atau rupa,  
Dimaaf syarak salah satu dalam dua.

Tiada maaf jika tinggal dua-dua,  
Atau tambah rasa itu satu saja.

(Ramlah Haji Baba dan rakan-rakan,  
Masjid Tanjung Keling, Melaka)

**Menghayati Fungsi Komunikasi Puisi Melayu  
dalam Pembinaan Jati Diri Warga Malaysia**



Munysi Abdullah  
(Malam Citra Munysi Abdullah)

Kami nama puisi ini sebuah nazam,  
Untuk mengenang seorang pendita zaman silam.

Banyak cerita banyak kisah yang dinyatakan,  
Awal kurun sembilan belas di negeri kita.

Waktu itu memang kurang orang bijak,  
Apa dibuat dan dikata dipandang sajak.

Oleh itu apa ditulis tidaklah salah,  
Itulah amalan yang dilakukan oleh Abdullah.

Abdullah itu bapanya Abdul Kadir,  
Negeri Melaka tanah tumpah tempat lahir.

Bapa Abdullah, Abdul Kadir memang bijak,  
Boleh bertutur dalam bahasa amat banyak.

Ibunya Salmah, menjaga Abdullah dan mengajar,  
Dengan hasrat menjadikan Abdullah terpelajar.

Semasa kecil Abdullah pula tidaklah cerdas,  
Tapi rajin dan berusaha tidak malas.

Ayah dan Ibu mengasuh mengajar sentiasa,  
Akhirnya Abdullah fasih bertutur tiga bahasa.

Abdullah pula tidak lupa akan ajaran,  
Sehingga ia fasih membaca mengajar Quran.



.....  
: : : : : : : : : :  
Ilmu Abdullah dalam bahasa amat tinggi,  
Semua murid yang diajar tertarik hati.

Boleh berbahasa dan bertutur dengan petah,  
Akhirnya ia diberi gelaran Munsyi Abdullah.

Gelaran diberi kepada Abdullah memang jitu,  
Munsyi bererti 'guru bahasa' tatkala itu.

Kepandaian Munsyi dengan cepat ia tersebar,  
Hingga ramai pegawai Inggeris datang belajar.

Hubungan mereka sangat baik, sangat rapat,  
Akhir mereka bukan belajar tapi bersahabat.

Raffles belajar adat resam dan bahasa,  
Munsyi Abdullah sebaliknya begitu juga.

Munsyi Abdullah tekun belajar tanpa letih,  
Cepat bertutur bahasa Inggeris dengan fasih.

Bukan sahaja boleh bertutur bahasa Inggeris,  
Malah cekap ia membaca dan menulis.

Tambah terkenal Munsyi Abdullah di zaman itu,  
Bila banyak kisah ditulis menjadi buku.

Antara yang terkenal telah dikarang,  
Hikayat sendiri dan kisah pelayaran ke tempat orang.



Hingga di sini hamba pinta mohon berhenti,  
Salah silap jangan disimpan di dalam hati.

(Haji Mohd. Yassin Ahmad)

### **Nazam Perjuangan Belum Selesai**

Assalamualaikum, warahmatullahi, wabarakatuh.  
Allahumashalliwassallim, wabarikalaih.  
Bismillahir-Rahmanir-Rahim.

Allah Allah, Azzawajal, Tuhan kami,  
Kami minta, ampun akan, dosa kami.

Orang Melayu, masa kini, amat bertuah,  
Rumah batu, gaji besar, kereta mewah.

Sudah ramai, jadi tuan, jadi encik,  
Bodoh-bodoh, ada handfon, dalam kocek.

Dulu-dulu, pergi sekolah, jalan kaki,  
Tapi sekarang, alhamdulillah, tiada lagi.

Dulu-dulu, makan pisang, ubi juga,  
Tapi sekarang, budak-budak, makan burger.

Walau kini, kita sudah, dihormati,  
Jangan lupa, dalam selimut, gunting menanti.

Perjuangan, kita masih, belum selesai,  
Banyak lagi, kemajuan, belum dicapai.



Kemiskinan, kepapaan, buta huruf,  
Sifat jumud, sifat taksub, karut-marut.

Hisap dadah, hisap candu, hidu gam,  
Lepak sana, lepak sini, lumba haram.

Ramai orang, berlumba-lumba, ke universiti,  
Ramai juga, yang berlumba, ke Pusat Serenti.

Ingat ingat, perjuangan kita, belum selesai,  
Banyak lagi, kemajuan, belum dicapai.

(Haji Ali Bachik, 2002)

### **Nazam Menang Bertanding**

Allah Allah, aza waja! Tuhan kami,  
Kami minta, ampun akan, dosa kami.

Dengan nazam hamba cerita kesah ini,  
Menang bertanding pilihan raya negara ini.

Setelah menang masa bertanding pilihan raya,  
Pada yang kalah dalam hati tetap berduka.

Jangan menaruh sifat dendam di dalam jiwa,  
Keputusan dibuat oleh semua rakyat jelata.

Yang dah menang jangan pula angkuh sangat,  
Hingga lupa pada setiap kehendak rakyat.

Jika ada aduan diterima longkang tersumbat,  
Panggil jentera kita selesaikan dengan cepat.

**Menghayati Fungsi Komunikasi Puisi Melayu  
dalam Pembinaan Jati Diri Warga Malaysia**



Menjadi wakil hamba lihat bukannya senang,  
Rakyat yang miskin jangan pula terlepas pandang.

Mengagih projek pada kontraktor biar seimbang,  
Berbaik sangka tak pilih bulu tak pilih belang.

Sifat begini memang disukai oleh pengundi,  
Hidup rakyat akan menjadi lebih harmoni.

Berdiri tegak biar umpama serumpun padi,  
Makin tunduk kita pandang makin berisi.

Pilihan raya kali ini yang kami pandang,  
Dapat menawan banyak kerusi dari pembangkang.

Pentadbir baik dalam kabinet biar cemerlang,  
Sesuai dengan cogan kata 'Malaysia Gemilang'.

Paling sejarah dalam parlimen Kota Melaka,  
34 tahun pihak pembangkang terus berkuasa.

Dengan berkat perpaduan rakyat semua bangsa,  
Barisan Nasional telah dapat merampas semula.

Pada calon Barisan Nasional parlimen Kota,  
Kami dengar kerjaya beliau peguam bela.

Kepentingan pengundi dan penyokong harus dijaga,  
Jangan sampai penyokong sendiri tidak percaya.

Akhir sekali dengan nazam diberi pandang,  
Kumpulan kami dapat berteduh dipohon rendang.



Tujuan kami bukan hendak mencari senang,  
Hala tuju kita semua ke jalan gemilang.

Sebagai penutup nazam kami mengharap sangat,  
Menang bertanding akan bergelar Yang Berhormat.

Jangan lupa pada Tuhan yang memberi rahmat,  
Hingga sampai orang menuduh kufurkan nikmat.

(Datuk Sidang Muhamad Abdullah)

### **Berzanji**

Berzanji mengandungi dua bentuk iaitu berzanji nathar (bentuk prosa berirama) dan bentuk puisi. Biasanya ia menggunakan bentuk nazam dan syair yang dilagukan (rimanya a,a,a,a) Mesej yang hendak disampaikan biasanya menuju keesaan dan keagungan Allah dan memuji-muji Nabi Muhammad S.A.W. (*Mutiara Satera Melayu*, 2003:335). Biasanya ia didendangkan di majlis-majlis keramaian seperti majlis perkahwinan, cukur jambul, malidur Rasul dan sebagainya. Mereka berzanji menggunakan bahasa Arab dan sekarang ramai mengalihbahasakan puisi puji-pujian tersebut ke dalam bahasa Melayu di samping ciptaan puisi yang sesuai dengan budaya setempat dalam menyampaikan mesejnya.

### **Barzanji Kelahiran Junjungan**

Ketika genap dua bulan Nabi di dalam kandungan ibunya,  
Ayahandanya, Abdullah wafat di Madinah, negeri yang mulia,  
Abdullah berziarah ke sana ke tempat bapa saudaranya,  
Golongan Bani 'Adi, Qabilah Najjar ternama,  
Tin)ggal di sana selama sepurnama, sakit derita membawa kepada  
kewafatannya.

## Menghayati Fungsi Komunikasi Puisi Melayu dalam Pembinaan Jati Diri Warga Malaysia



Ketika genap kandungan Aminah sembilan bulan lamanya,  
Zaman gelap bertukar terang gemilang cahaya,  
Pada malam kelahiran, ibu baginda didatangi oleh Asiah,  
dan Mariyam bersama-sama sekumpulan bidadari syurga,  
Sampai masanya Aminah pun melahirkan junjungan yang mulia.

Wahai Nabi, ucap salam untukmu,  
Wahai Rasul, ucap salam untukmu,  
Wahai kekasih, ucap salam untukmu,  
Selawat daripada Allah untukmu.

Mengambang purnama menyinari kami,  
Seribu bintang pudar tak bercahaya lagi,  
Indah sepertimu tak pernah kami temui,  
Wahai wajah yang membawa seribu janji.

Engkaulah matahari, engkaulah purnama,  
Engkaulah cahaya segala cahaya,  
Engkaulah pembawa hidayah semesta,  
Engkaulah pelita menyala di dada.

Wahai kekasih, wahai Muhammad,  
Wahai pengantin timur dan barat,  
Wahai yang berhati luhur, wahai yang berkat,  
Wahai imam dua kiblat.

≤(Terjemahan Abd. Rahman Rukaini, 1996. Karangan Jaafar al-Barzanji, *Barzanji Rangkaian Kisah Nabi dalam Puisi Kita*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.)

Dalam masyarakat Minangkabau, terdapat berbagai-bagai genre puisi yang memainkan peranan penting sebagai alat komunikasi secara







## Teromba

Teromba sebagai alat komunikasi memaparkan keperibadian Melayu atau *Malayness* yang terangkum indah di antara bait-bait dan baris di dalamnya. Baris dan bait-bait komunikasi teromba bertaut indah secara integratif ibarat struktur luaran dan dalaman, lahir dan batin, bertaut menjadi satu. Susunan suku kata, perkataan, sasaran dan matlamat komunikasi teromba serta makna adalah penghubung antara kedua struktur binaan dalam komunikasi teromba.

Teromba juga adalah hasil kerja akal atau mental yang terhasil secara lisan. Lantaran itu pengolahan isi dan kata memancarkan nilai indah dalam berkomunikasi. Sebagai hasil kerja lisan, isi dan makna hendaklah tepat dengan maksud yang hendak disampaikan.

Unsur komunikasi amat ketara di dalam teromba, apabila dikaji fungsi dan penggunaannya. Komunikasi melalui teromba dilakukan secara kisan dan ibarat, iaitu melalui kiasan dan ibarat nasihat, falsafah, tunjuk ajar, sindiran dan termasuk penceritaan. Kebanyakannya disampaikan secara bersemuka, iaitu berbentuk komunikasi dua hala.

Komunikasi teromba dapat kita bahagikan kepada dua bentuk, iaitu kaedah langsung dan kaedah tidak langsung. Kaedah langsung ialah kaedah yang digunakan untuk meminta atau memberikan suatu maklumat secara terus terang. Kaedah tak langsung pula merupakan kebalikan daripada kaedah langsung. Dalam kaedah ini, penutur teromba tidak menyatakan sesuatu secara terus terang, tetapi berselindung di sebalik kata-kata yang dituturkan.

Kaedah tak langsung digunakan oleh penutur sebagai landasan untuk menyatakan suatu maksud sebenar. Menurut Asmah Hj. Omar (1992:175-186), terdapat empat kategori kaedah tak langsung yang digunakan oleh masyarakat Melayu dalam komunikasi mereka, iaitu "*beating about the bush*" (BAB), penggunaan "*imagery*" (kiasan), "*contradicting*" (mengatakan hal yang sebaliknya) dan penggunaan "*surrogate*" (orang perantaraan). Menurut beliau, dalam BAB penutur akan menyatakan





**Menghayati Fungsi Komunikasi Puisi Melayu  
dalam Pembinaan Jati Diri Warga Malaysia**



Tabik-tabik saya nak bercakap  
Takut terkena darah gemuruh

Kelapa bali dalam puan  
Datang dari Bangkahulu  
Apa nak kata katalah tuan  
Ampun maaf terlebih dahulu

Buah cempedak di luar pagar  
Ambil galah tolong jolokkan  
Saya budak baru belajar  
Jika salah tolong tunjukkan

Saya ini umur baru setahun jagung  
Darah baru setampuk pinang  
Akar baru selilit telunjuk  
Ibarat belukar muda  
Perjalanan belum jauh  
Pemandangan belum luas  
Berkata belum pandai  
Bercakap belum tahu

Ibarat belalang lanjung  
Hinggap di tepi bondar  
Nak menjunjung kepala runcing  
Nak memikul bahu runtuh  
Pikul bahu kanan runtuh  
Pikul bahu kiri runtuh  
Namun bahu tidak juga ada

Daun sirih daun kerakap  
Daunnya tumbuh berjela-jela





## Menghayati Fungsi Komunikasi Puisi Melayu dalam Pembinaan Jati Diri Warga Malaysia



Melalui lawak jenaka atau kecindan, komunikasi kata yang digunakan boleh mencuit hati dan membuatkan orang ketawa atau ingin ketawa, walaupun dalam keadaan marah. Ketika berkomunikasi masing-masing cuba mempertahankan pendirian yang lebih baik daripada yang lain dan juga cuba mempengaruhi pihak lawan. Dalam suasana yang ditandai dengan konflik, lawak jenaka atau kecindan digunakan sebagai alat untuk menajamkan hujah, melembutkan suasana, menimbulkan minat pendengar dan sebagainya (Asmah Haji Omar, 2000:84-85).

Biasanya sebelum adat peminangan diadakan, upacara '*merisik*' telah terlebih dahulu dibuat, supaya urusan peminangan tidak tergendala. Pantun yang diungkapkan mungkin seperti berikut:

Perahu kolek di hilir tanjung  
Sarat bermuat tali temali  
Salam tersusun sirih junjung  
Apa hajat sampai ke mari?

Bukan batang sebarang batang  
Batang berduri sukar dipanjat  
Bukan datang sebarang datang  
Datang kami membawa hajat

Malam-malam pasang pelita  
Pelita dipasang atas peti  
Kalau sudah bagai dikata  
Sila terangkan hajat di hati

Buah pauh di celah batang  
Jatuh sebiji di tengah laman  
Dari jauh kami datang  
Ingin menyunting bunga di taman  
Kacang hijau dibuat inti



Pisang salai dalam perahu  
Bunga di taman masih sunti  
Mengaji tak pandai, ke dapur tak tahu  
(Md. Ali Bachik, 1989: 63-64)

Dalam komunikasi teromba menolak cincin tanya, juga terdapat nilai merendah diri di bahagian tengah teromba tersebut. Nilai merendah diri bukan menunjukkan kelemahan, akan tetapi menjelaskan perkara yang sebenar tanpa merosakkan perasaan seseorang. Orang yang hadir menghantar cincin tanya tersebut adalah tetamu dan sebarang bentuk kehadiran tetamu haruslah dihormati. Setiap kata yang bakal dikeluarkan akan disusun dengan cantik tanpa ada pihak yang akan tersinggung.

Beginilah, kakak abang semua  
Sakit bermula mati bersebab  
Hujan berpokok kata berpangkal

Sampai janji ditepati  
Janji yang kita buat itu  
Dahlah dimufakatkan  
Tapi kata orang  
Rezeki, maut, tanah terbaris, jodoh pertemuan  
Semuanya di tangan Tuhan  
Jadi, kakak dan semua yang ada di sini  
Nampaknya jodoh budak ini belumlah ada lagi

Kalaulah yang keras jodohnya  
Asam di darat ikan di laut pun bertemu  
Inikan pula kita  
Dekat rumah dekat kampung  
Sehalaman sepermainan  
Seperigi sepermandian



Segayung sepergeleran  
Sejamban seperulangan

Bukan apa-apa kakak  
Ibunya mengatakan  
Anaknya masih kecil  
Menyapu ingus belum reti  
Mengikat tali belum faham  
Masak memasak belum pandai  
Kok suruh jerang nasi mentah  
Kok suruh goreng ikan hangus  
Kok ke sawah main lumpur kerjanya  
Lagi pun dia itu dalam niat  
Tengoklah lepas niat nanti

Jadi inilah kami datang ini  
Membawa salam dan sembah  
Orang seadat seresam kami  
Meminta maaf  
Dari ujung rambut hingga ke ujung kaki  
Kok ada salah dan silap  
Baik tutur jua kata  
Berbanyak-banyak ampun  
Sahajalah kami pinta

Jadi inilah nang dijanjikan dahulu  
Orang membeli kerbau dengan talinya  
Mengikat kata dengan tanda  
Janji tawai janji tanya  
Kalau oso sekata kata dikembalikan  
Tak oso sekata tanda dikembalikan



Maka Kakak Abang semua  
Ini kami kembalikan tanda dahulu  
Harap terimalah semula

(Abdul Hamid Sabtu, Tanjung Ipoh, Negeri Sembilan, 10 Februari 2001)

## Dikir Barat

Dikir barat atau zikir barat adalah satu contoh warisan seni persembahan yang popular di Kelantan. Dikir barat menggunakan kaedah komunikasi lisan dan tanpa lisan berinteraksi dengan penonton. Ia mengandungi pelbagai jenis rentak dan irama dan ia dipimpin oleh seorang 'juara' sebagai penyanyi utama. Lagu 'juara' mementingkan nyanyian suara ramai yang mengulang nyanyian 'juara' dari awal hingga akhir rangkap utama. Di samping menyanyi, ahli kumpulan yang dipanggil 'awak-awak' akan menggerakkan tangan dengan aktif bagi menunjukkan suasana gembira dan keceriaan.

Dalam pengajaran Media Warisan (1998-2001), telah diadakan cubaan memperkenalkan dikir barat kepada pelajar pelbagai kaum. Selain kaum Melayu, kaum-kaum lain menyatakan masalah utama mereka tidak minat dikir barat ialah kerana liriknya sukar difahami. Dalam usaha mengembangkan dikir barat, perlu ada toleransi dialek supaya dikir barat dapat menjadi kepunyaan bersama. Bertolak daripada masalah ini, dalam pengajaran Media dan Masyarakat (2004), saya telah melongarkan syarat persembahan nyanyian dikir barat dengan menggunakan bahasa Melayu seharian. Pelajar diberi peluang mencipta sendiri lirik lagu dikir barat dan dipersembahkan di Dewan Auditorium sebagai penghormatan kepada usaha mereka mempelajari dan menghayati seni warisan tradisional.



## Dikir Perpaduan

(Lagu Juara)

Terus gemilang di mata dunia  
Terus bersatu seia bersama  
Berganding bahu bekerjasama  
Pautan mesra kita bersma.

Marilah kita tidak kira siapa  
Jalinkan hubungan sesama kita  
Jauhilah dari sengketa

Hormat-menghormati jadikan budaya  
Manis berseri cahaya di mata  
Seruan murni sahut bersama  
Masa hadapan pasti berguna.

(Lagu Kreatif)

Negara Malaysia dan Perpaduan

Negara Malaysia kebanggaan kita semua  
Negara Malaysia sudah terkenal di mana-mana.

Marilah kawanku semua, marilah bersama-sama  
Menjaga negara kita untuk kepentingan kita semua.

Wahai anak bangsaku semua, India juga Melayu dan Cina  
Marilah bekerjasama kerana kita semua.

(Wau Bulan)

Ai ... la ewau, wau bulan, wau bukan teraju tiga



Assalamualaikum hamba pada semua  
Pada saudara dan saudari yang mana ada.

Masyarakat kita hidup aman bahagia  
Nikmat merdeka sama-sama kita rasa.

Sekian dulu dikir barat pada kali ini  
Segala pesan kena simpan di dalam dada.

## **Mentera**

Mentera dikenali sebagai jampi, serapah, puja, cuaca, tangkal dan sebagainya. Mentera dituturkan oleh seorang pawang atau bomoh atau dukun dan dipercayai boleh menimbulkan kesan ghaib untuk menyembuhkan penyakit atau memohon perlindungan (Harun Mat Piah, 1989). Isi mentera mengandungi kata-kata pujian yang mengandungi kata-kata puji-pujian yang mengandungi irama dan nada tertentu. Ia juga berfungsi menyembuhkan penyakit atau menghalau makhluk halus, mencari pemanis, pengasih dan turut digunakan di upacara-upacara adat istiadat (Mutiara Sastera Melayu, 2003: 361). Di bawah ini diperturunkan mentera “Merawat Tulang Patah” yang dijadikan media komunikasi untuk memohon kepada Allah supaya disembuhkan penyakitnya.

## **Mantera Merawat Tulang Patah**

Bismillahi Rahmanir Rahim,  
Jong sengkang kemudi sengkang,  
Tarik layar kembang sena,  
Urut yang kendur sudah ku tegang,  
Urut yang putus sudah ku sambung,  
Teguh Allah, tegang Muhammad,  
Sendi anggota baginda Ali,  
Tulang gajah, tulang mina,



Ketiga dengan tulang angsa,  
Patah tulang berganti sendi,  
Badan jangan rosak binasa,  
Berkat sidi kepada guru,  
Sidi menjadi kepada aku,  
Lailahaillallah, Muhammadar Rasulullah.


Mentera wayang kulit pula memohon semangat atau roh bagi menjaga keselamatan selama persembahan wayang kulit diadakan. Mentera wayang kulit di sebelah utara semenanjung dibaca dalam bahasa Siam. Maharaja Sri Rama yang menjadi watak utama cerita dalam wayang kulit yang dipersembahkan. Disamping itu, mentera ini akan menceritakan kisah dan latar belakang Maharaja Sri Rama yang berasal dari keturunan yang baik.

Sebelum memulakan persembahan di belakang tirai/kelir, biasanya Tok Dalang akan memanggil roh atau semangat lain untuk masuk ke dalam tubuhnya dengan gaya gerak tangannya (sebagai tanda menjemput) roh atau semangat masuk dalam tubuhnya. Tok Dalang penuh perasaan menggunakan mimik mukanya (menggambarkan suasana kehadiran roh atau semangat) dan gerak jarinya yang menggamit bagi menandakan kehadiran roh atau semangatnya.

### **Mentera Wayang Kulit**

Laaa...  
rak cak tar o doho bucat buceh  
sunnati nato sagnar sagen  
akan tati lima pergawenan pinak pine  
ro doho anak wong tajar patik.

Kisahkan dari dulu timbul nak royak  
bapak sirat mah raja serama





**Menghayati Fungsi Komunikasi Puisi Melayu  
dalam Pembinaan Jati Diri Warga Malaysia**



Kepada dirinya ia aniaya,  
Orang itu jangan engkau percaya.

Lidah yang suka membenarkan dirinya,  
Daripada yang lain dapat kesalahannya.

Daripada memuji diri hendaklah sabar,  
Biar daripada orang datangnya khabar.

Orang yang suka menampakkan jasa,  
Setengah daripada syirik mengaku kuasa.

Kejahatan diri sembunyikan,  
Kebajikan diri diamkan.

Keaiban orang jangan dibuka,  
Keaiban diri hendaklah sangka.

**Ini Gurindam Fasal yang Kesembilan**

Tahu pekerjaan tak baik tetapi dikerjakan,  
Bukannya manusia iaitulah syaitan.

Kejahatan seorang perempuan tua,  
Itulah iblis punya penggawa.

Kepada segala hamba-hamba raja,  
Di situlah syaitan tempatnya manja.

Kebanyakan orang yang muda-muda,  
Di situlah syaitan tempat berkuda.





**Menghayati Fungsi Komunikasi Puisi Melayu  
dalam Pembinaan Jati Diri Warga Malaysia**



*Solallah mabkota alam  
Bukit Somad kubu aulia  
Dituntut besi yang tajam  
Buat penauwar besi yang bias.*

Biasanya, dengan izin Allah, tetakan senjata yang tajam dianggota badan pemain dabus tidak menerima padah luka atau kecacatan. Ketua atau khalifahny akan memainkan peranan penting berkomunikasi dengan Allah memohon perlindungan. Begitu juga dalam zikir dabus di bawah ini;

**Dikir Dabus**

Allah hee Allah huu ya Allah,  
Baddal hee ya maula,  
Allah hee Allah huu ya Allah,  
Hudal le ma ti habur sere, ya Allah.

Allah humma salli Allah,  
Allah he salli dona Allah,  
Allah Muhammadun sahu, ya Allah,  
Hee Allah Allah wabiza aalihi.

Pada kasih penghulu kita Muhammad,  
Cahaya bulan empat belas petunjuk yang sempurna,  
Hati rindu kepada Nabi Muhammad,  
Senttasalah didapat daripada yang sempurna.

Allah hee Allah huu ya Allah,  
Baddal hema ya maula,  
Allah hee Allah huu ya Allah,  
Baddal hema habur sere, ya Allah.





**Menghayati Fungsi Komunikasi Puisi Melayu  
dalam Pembinaan Jati Diri Warga Malaysia**



Mengharap pertolongan daripada Muhammad,  
Jikalau ada aku mengerjakan yang khurafat.

Allah hee Allah huu ya Allah,  
Baddal hemal hee ya maula,  
Allah hee Allah huu ya Allah,  
Hudalle ma ti habur sere ya Allah.


Dan kelepasan-kelepasan kami, ya Muhammad,  
Hari kesusahan dengan dia kami dikumpulkan,  
Dan cahaya telah datang dengan dia Nabi Muhammad,  
Sebenarnya yang nyata waktu kami memohon.

Allah huma salli Allah,  
Allah he salli dona amma,  
Allah Muhammadun sahu ya Allah,  
Hee Allah Allah wabiza alihi.

Malaikat di langit memanggil nama Muhammad,  
Jibril berkata baginya yang telah terdahulu,  
Tentera sewaktu peperangan Nabi Muhammad,  
Setengah daripada mereka malaikat bertandu.

Allah hee Allah huu ya Allah,  
Baddal hemal hee ya maula,  
Allah hee Allah huu ya Allah,  
Hadalle mal habur sere ya Allah.

Agama Islam telah zahir oleh Muhammad,  
Yang ingkar akan binasa,  
Moga-moga Allah memberi rahmat ke atas Muhammad,  
Dan ahli keluarga semuanya salam sejahtera.



Allah huma salli Allah,  
Allah he salli dona amma,  
Allah Muhammadun sahu ya Allah,  
Hee Allah Allah wabiza alihi.

Mudah-mudahan Allah memberi rahmat ke atas Muhammad,  
Dan ke atas sahabatnya salam sejahtera,  
Engkau memberi rahmat dan kesejahteraan,  
Semoga berkat ke atasmu Muhammad.

Allah hee Allah hee ya Allah,  
Baddal huma hee ya maula,  
Allah hee Allah huu ya Allah,  
Hudal le mal habur sere ya Allah.

Allah huma salli Allah,  
Allah hee salli dona amma,  
Allah Muhammadun sahu ya Allah,  
Hee Allah Allah wabiza alihi.

≤Sumber: Didokumentasikan oleh Ahmad Ali Salikin, 1996. Lumut, Perak.

## Sajak

Sajak atau dikenali sebagai puisi Melayu moden telah mendapat tempat dan perhatian warga Malaysia sejak tahun 1930-an. Sajak yang ditulis secara bebas mempunyai makna dan menggunakan simbol dan keindahan semula jadi bagi menyampaikan mesej atau hasrat seseorang penulis. Ketika membaca atau mendeklamasikan sajak, biasanya pembaca mencurahkan perasaannya melalui mimik muka dan gerakan anggota badan sebagai alat berkomunikasi secara tanpa lisan.

## Menghayati Fungsi Komunikasi Puisi Melayu dalam Pembinaan Jati Diri Warga Malaysia



Di bawah ini diperturunkan sajak bertajuk “Wira Melayu” karya asal Usman Awang yang diadaptasikan dari Hikayat Hang Tuah. Rahman Shaari pula telah megadaptasi kembali karya ini daripada Usman Awang untuk maksud persembahan yang ringkas pada hari ini. Dalam karya adaptasi ini, Rahman Shaari mengekalkan 90% daripada kata-kata yang termuat milik Usman Awang. Perubahan yang banyak tidak dilakukan kerana karya ini sudah cukup puitis dan bererti.

### **Wira Melayu**


(Puisi adaptasi daripada skrip drama “Matinya Seorang Pahlawan” karya Usman Awang)

#### **HANG KASTURI:**

HAI Jebat derhaka  
beginikah cara kau membalas kurnia  
yang diserahkan oleh baginda kepadamu  
pahlawan Melayu berlangkah sumbang  
Sekarang aku datang  
kalau kau memang lelaki  
bernama Jebat gagah berani  
turun  
kita bertikam seorang lawan seorang.

#### **HANG JEBAT:**

OH, kau rupanya Kasturi  
kau juga menjunjung titah raja  
menyampaikan khabar aku derhaka  
Dengarlah hai saudaraku bicaraku ini  
pahlawan yang sebenarnya pahlawan



berpayung di bawah kebenaran  
meski dimana,  
sebab kebenaran itu sendiri  
adalah pahlawan sejati  
yang terletak di tempat paling atas  
raja atau rakyat tak boleh melintas.

**HANG KASTURI:**

JEBAT, aku ke mari menjunjung titah raja  
bagiku kini  
hanya keris yang berbicara  
sekali tercabut dari sarungnya  
tak akan sekali tersisip di pinggang  
selagi tidak menjatuhkan lawan  
atau aku yang dijatuhkan.  
Maka itu  
jika engkau pahlawan  
turunkan  
kita bertikam seorang lawan seorang.

**HANG JEBAT:**

BERTIKAM dengan kau saudaraku?  
Tidak,  
untuk apa kulakukan semua ini  
jika akhirnya bertikam dengan saudaraku sendiri  
pergilah Kasturi,  
kau sekali-kali bukan musuhku  
aku bukan musuhmu,  
pergilah ke tempat raja berada  
temuilah orang-orang yang dengki



yang menyebabkan Abang Tuah dihukum mati,  
suruhlah mereka ke mari,  
atau suruhlah raja itu sendiri  
itulah musuh yang aku nanti.

Puisi yang indah atau lirik lagu yang dicipta sememangnya mendapat perhatian generasi muda. Mereka menggunakan puisi atau lirik lagu bagi menyampaikan mesej atau hasrat hatinya kepada seseorang yang dikenali atau kepada pendengar. Liriknya menjadi alat komunikasi bagi seseorang penulis menyampaikan mesejnya secara lisan dan tanpa lisan. Bagi menyampaikan hasrat hatinya yang ditujukan kepada bapanya yang sibuk menjalankan tugas-tugas kepentingan negara, Azhar Abdul Latiff telah menggunakan kaedah komunikasi lisan dan tanpa lisan lagu dalam dedikasi lagu untuk menaikkan semangat bapanya untuk terus berjuang demi kepentingan agama, bangsa dan negara. Melalui lirik lagu “Untukmu Papa”, Azhar dengan penuh perasaan mendendangkan lagu itu.

### **Untukmu Papa**

Dalam kesibukan dibatasi waktu  
Waktu yang cemburu terhadap dirimu  
Kerana cita-cita dan keluarga  
(Kau kalahi masa) dan terus bekerja.

Penat dan lelah menjadi lumrah  
Asalkan kau dapat apa yang dicita  
Kau berdiri teguh, satria bemarkuah  
Kerana bangsa kaukorbankan segalanya.

(Korus):

Semangatmu yang kental pantang berundur





**Menghayati Fungsi Komunikasi Puisi Melayu  
dalam Pembinaan Jati Diri Warga Malaysia**



Tinggalkan pantang selero pantang selero

Tinggalkan pantang selero pantang selero

(Secara beramai)

Iyolah molek ... meradang

Iyolah molek ... meradang

(Solo)

Suka mengacan di depan orang

Suka mengacan di depan orang

Berbuat baik hai sayang orangpun sayang

Berbuat baik hai sayang orangpun sayang

(Secara beramai)

Iyolah molek ... meradang

Iyolah molek ... meradang

## **Cadangan**

### **Penghayatan Puisi Melayu di Sekolah**

Sistem pendidikan di Malaysia sewajarnya memberikan perhatian kepada penghayatan warisan puisi Melayu pelbagai genre. Pelajar hendaklah dididik untuk menghayati puisi Melayu sejak sekolah rendah dan seterusnya di sekolah menengah.

Bagi memartabatkan puisi Melayu ini, Kementerian Pelajaran Malaysia perlulah memperkemaskan lagi perancangan dan persiapan mempertingkatkan pengajaran puisi Melayu di sekolah bagi memastikan pelajar dan guru dapat menghayati puisi Melayu semaksima yang boleh. Bagi saya, beberapa kelemahan boleh diperbaiki bagi memartabatkan dan menghayati puisi Melayu. Antaranya kementerian perlu merancang dan mengemaskinikan program pengajaran sastera dan bahasa seperti berikut:



1. Kementerian Pelajaran hendaklah menyusun semula sukatan pelajaran sastera dan memperkembangkan program KOMSAS seperti pemilihan genre puisi yang bermutu, latihan menulis puisi, pembacaan puisi diwajibkan dalam ujian lisan bahasa Melayu (dalam semua peringkat).
2. Guru-guru bahasa dan sastera hendaklah dilatih menulis dan memahami dendangan atau irama pelbagai genre puisi Melayu di maktab-maktab perguruan. Program khas perlu diadakan kepada guru-guru bahasa yang tidak begitu pakar atau kurang memahami penulisan dan dendangan pelbagai puisi Melayu.
3. Perlu diadakan pertandingan pelbagai genre puisi Melayu secara berkumpulan yang menggabungkan guru dengan pelajar atau dibahagikan kepada peringkat pelajar dan guru di sekolah, negeri dan kebangsaan.
4. Satu seminar kebangsaan hendaklah diadakan bagi memastikan satu piawaian dendangan atau irama pelbagai genre puisi Melayu yang boleh dijadikan panduan kepada guru dan pelajar.
5. Menerbitkan secara meluas dendangan dan irama pelbagai genre puisi Melayu yang standard.

### **Penghayatan Puisi Melayu di Pusat Pengajian Tinggi**

1. Pusat, fakulti, jabatan atau program yang menawarkan kursus puisi Melayu hendaklah menawarkan kursus puisi Melayu yang mengutamakan pemahaman, penulisan, dan dendangan atau irama.
2. Pengajaran puisi Melayu hendaklah memberikan perhatian kepada pelbagai disiplin ilmu seperti estetika, persembahan dan komunikasi.



3. Memastikan pelajar yang mengambil kursus puisi Melayu mampu mengenali, menulis dan mengerti dendangan atau irama pelbagai genre puisi Melayu.
4. Digalakkan menghasilkan karya pelbagai genre puisi Melayu melalui kursus atau latihan ilmiah, projek penyelidikan atau disertai.
5. Mengadakan sayembara puisi Melayu peringkat universiti dan pusat pengajian tinggi.
6. Menjalankan penyelidikan pelbagai genre puisi Melayu dengan memberi perhatian kepada ilmu yang berbentuk multi disiplin (estetika, persembahan, dan komunikasi) melalui geran atau projek penyelidikan di peringkat universiti atau tajaan pihak luar.
7. Menerbitkan pelbagai genre puisi Melayu dalam bentuk VCD/DVD dan kaset.
8. Setiap majlis hendaklah diutamakan persembahan puisi Melayu yang relevan, di samping membaca doa majlis.

### **Puisi Melayu di Media**

Antara peranan kerajaan mewujudkan Radio Televisyen Malaysia (RTM) adalah untuk memberi maklumat, hiburan dan pendidikan kepada orang ramai khususnya setiap warga Malaysia. Ini mendorong TV1 mereka cipta slogan “Saluran Infotainment Anda” (yang menjadi isu dari segi penggunaan bahasa Inggeris) manakala TV2 pula menggunakan slogan “Saluran Famili Anda”.

Dewan Bahasa dan Pustaka tidak berpuashati dengan langkah RTM menggunakan slogan ini, begitu juga isu ini dibangkitkan oleh Ahli Parlimen Barisan Nasional, Datuk Mohamad Aziz (BN Sri Gading) dengan berkata RTM perlu menjadikan TVI sebagai saluran kebangsaan dengan menjadikan bahasa Melayu sebagai bahasa utama (Berita Harian, 30 September 2004). Kata beliau lagi, “...penggunaan bahasa seperti



.....  
.....  
'saluran famili' sewajarnya digunakan saluran keluarga dan 'saluran infotainment' sebagai 'saluran maklumat dan hiburan'."

Jika dilihat dari segi fungsi sistem TV di Malaysia, saya dapati lebih banyak berfungsi dan bermatlamat memberi maklumat dan hiburan kepada penonton (kecuali TV pendidikan RTM). Program yang berbentuk pembinaan jati diri yang berkaitan warisan seni budaya rakyat atau etnik Malaysia dan program-program yang berbentuk pendidikan amat kurang dilaksanakan. Namun, RTM turut memberikan sumbangan yang positif dengan memperkenalkan program yang berkaitan dengan seni budaya seperti Anjung Budi dan deklamasi puisi sebelum dan selepas pembacaan berita dan siri agama seperti nasyid, manakala program yang berbentuk pembinaan jati diri melalui program seni budaya warisan kebudayaan kebangsaan dan etnik diadakan secara bermusim atau sempena menyambut perayaan sesuatu etnik. Kita sebenarnya amat dahagakan program yang dapat membina jati diri rakyat Malaysia melalui program seni budaya kebangsaan dan etnik yang dapat dihayati oleh setiap warga Malaysia.

Saya amat tertarik dengan program yang berbentuk pembinaan jati diri melalui seni budaya di sistem televisyen di Indonesia.

Secara makro, televisyen Republik Indonesia menjalin persatuan dan kesatuan masyarakat Indonesia yang majmuk, sehingga isi siarannya menekankan kepada heterogenitas budaya di Indonesia. Sementara Televisyen Pendidikan Indonesia (TPI) menekankan kepada sistem pendidikan dan juga warisan budaya Indonesia, terutama seni dangdut, Melayu, dan sejenisnya. Selanjutnya Indosiar menyiarkan lagu-lagu nostalgia Indonesia dan Barat yang dikendalikan oleh Bob Tutupoli (penyanyi legenda lagu Widuri). Di Indosiar, setiap malam minggu diadakan pertunjukan wayang secara langsung dengan dalang-dalang kenamaan seperti Ki Narto Sabdo, Manteb Sudarsono, dan sebagainya. Di TPI ditayangkan wayang golek dengan dalang kenamaan Asep Sunarya. Di Indonesiar, sekurang-kurangnya sebulan sekali diadakan pertunjukan muzik tradisional Batak. Namun, daripada semua trend



budaya, televisyen-televisyen Indonesia tampaknya selain muatan budaya juga mempertimbangkan rating penonton, dan yang paling menjadi bahan utama untuk keperluan ini adalah muzik dangdut yang ditayangkan di semua televisyen Indonesia.

Bagi menarik minat generasi muda mencintai budaya bangsa dilakukan acara campuran budaya. Misalnya di TVRI dilakukan tayangan muzik "rockdut (rock dan dangdut)". Demikian pula keroncong yang memiliki pendukung banyak di kalangan generasi tua, ditayangkan di Indosiar dan TVRI di waktu tayangan yang sesuai.

Di TVRI juga dilakukan tayangan *music country* (dari Amerika Syarikat) yang juga mempunyai peminat yang relatif banyak. Acara ini diketuai oleh Tantowi Yahya (berasal dari Palembang), dan Norma Yunita. Jadi selain budaya setempat orang-orang Indonesia juga tidak ketinggalan mengadaptasikan budaya lain yang diindonesiakan.

Bagi mengugah minat terhadap muzik-muzik popular Indonesia dan Barat atau muzik apa saja di Metrotivi dilakukan acara berpacu dalam Melodi yang dipandu oleh penyanyi dan pembawa acara terkenal Koes Hendratmo, dalam bentuk 'Menebak judul', 'Pelangi Nusantara', dan 'Sekilas Wajah'. Acara ini pada tahun 1980-an ada di TVRI.

Bagi mencipta dan merangsang generasi muda untuk meminati sains dan teknologi, SCTV mengadakan satu acara yang bertajuk Galileo. Acara ini berupa soalan-soalan di sekitar ilmu pengetahuan dan teknologi.

Bagi menumbuhkan kesedaran akan budaya serumpun (khususnya Dunia Melayu) berbagai-bagai televisyen selalu melakukan pertunjukan yang ditampilkan secara bersama artis-artis Malaysia seperti Siti Nurhaliza, Salim, Ami Search, dan artis-artis Indonesia seperti Kris Dayanti, Anang, dan lainnya.

Setiap warga Malaysia hendaklah memikirkan bahawa bahasa dalam usaha kerajaan ingin mewujudkan sebuah negara bangsa Malaysia yang bermaruah dan mempunyai jati diri yang jitu dan mantap di zaman globalisasi yang penuh dengan pelbagai cabaran. Ini selaras



..... : : : : :  
dengan kenyataan Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, Perdana Menteri Malaysia di majlis penutupan Perhimpunan Agong UMNO, pada 25 September 2004 yang mana beliau mahu orang Melayu hidup bermartabat dan tidak menjadi bangsa yang bertongkat selamanya (*Mingguan Malaysia*, 26 September 2004). Semasa merasmikan Perhimpunan Pemuda, Wanita dan Puteri UMNO ke-55 pada 23 September 2004, Datuk Seri Mohd. Najib Tun Abdul Razak pula mahukan warga Malaysia khususnya orang Melayu mempunyai jati diri yang berpaksikan Islam dan Melayu.

Bagi Dato' Seri Najib (*Berita Harian*, 22 September 2004), di antara lapan langkah untuk memajukan orang Melayu dan menjadi landasan untuk menjadi bangsa yang terbilang di tanah airnya ialah dengan mengamalkan nilai murni, yang mana orang Melayu hendaklah pandai menjana semula nilai-nilai tradisional yang diadun dengan nilai-nilai kontemporari untuk terus memacu kejayaan. Hanya dengan adunan kedua-dua nilai tersebut, dapat kita pastikan bahawa orang Melayu mampu menangani cabaran persekitaran global tanpa mengorbankan jati diri yang berpaksikan Islam dan Melayu itu sendiri.

TV, radio dan VCD merupakan media moden yang amat mempengaruhi penonton untuk memberi maklumat, hiburan, pendidikan, dan sebagainya. Sebagai sebuah negara yang sedang membangun, kita warga Malaysia memerlukan program yang murni, tidak bercanggah dengan nilai sosiobudaya Melayu dan warga Malaysia yang terbilang bangsa. Selaras dengan hasrat dan gagasan perjuangan Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, yang ingin rakyat Malaysia menghayati Islam Hadhari (yang bernaung dan bertamadun) dan status agama Islam sebagai agama rasmi Malaysia, maka sistem TV Malaysia sewajarnya menyiarkan program yang tidak bercanggah dan menyinggung perasaan orang Islam.

Bagi saya, perkembangan ICT yang salah digunakan boleh membawa ke arah kehancuran masyarakat Malaysia. Ia boleh memusnahkan warisan tamadun Melayu yang berteraskan Islam,

## Menghayati Fungsi Komunikasi Puisi Melayu dalam Pembinaan Jati Diri Warga Malaysia



keharmonian dan perpaduan kaum dan melekakan kita sehingga kita lupa untuk beramal ibadat dan mempraktikkan warisan seni budaya yang sangat tinggi nilainya. Pihak TV dan Radio kerajaan dan swasta sewajarnya memikirkan tanggungjawab sosial dengan menyeimbangkan fungsi komunikasinya dengan mengutamakan program tempatan yang berbentuk pendidikan dan pembinaan jati diri rakyat Malaysia yang menyiarkan program warisan tamadun Malaysia yang ketara (tangible) dan tidak ketara (intangible) seperti program yang ingin mewujudkan masyarakat Malaysia yang bergotong-royong, berbudi bahasa, bersopan santun, keindahan dan fungsi positif puisi Melayu, kemesraan dan keharmonian pelbagai kaum dan sebagainya.

Kita menghadapi cabaran yang negatif di atas program hiburan yang boleh meruntuhkan akhlak dan melekakan masyarakat Malaysia dengan program hiburan berbentuk 'budaya popular' yang melayan selera generasi muda, akhirnya ia boleh merosakkan akhlak dan menjadi pewaris yang tidak mempunyai jati diri Malaysia. Program yang bercanggah dengan nilai dan ajaran agama Islam ini hendaklah diketepikan. Ini bukan bermakna kita menentang perkembangan dan peredaran zaman, tetapi kita harus kawal dan tapis serta memilih program hiburan yang positif. Kita sewajarnya berfikiran global tetapi bertindak mengikut acuan dan warisan mumi rakyat Malaysia. Kita tidak mahu bersubahat dan memainkan peranan sebagai agen penjajahan mental yang diperjuangkan oleh negara-negara Barat.

Bagi mengisi kekosongan program yang berbentuk pembinaan jati diri rakyat Malaysia, kita sewajarnya merancang program yang boleh menimbulkan minat warga Malaysia dengan menyediakan hadiah yang lumayan (untuk kuiz atau sesuatu pertandingan) dengan mendapat tajaan dari syarikat korporat yang berjaya dan meletakkan program tersebut di waktu yang sesuai (prime time). Format seperti 'Malaysian Idol', 'Akademi Fantasi' dan 'Who Will Win' boleh dijadikan panduan tetapi kita perlu menggantikan dengan program lagu dan puisi Melayu





## Menghayati Fungsi Komunikasi Puisi Melayu dalam Pembinaan Jati Diri Warga Malaysia



bertolak ansur dengan unsur hiburan ala-Barat yang terkenal dengan kehidupan glamour dan sosial tanpa batas..” Tegas beliau lagi, “... ini belum lagi kita menyebut rancangan ‘Sure Heboh’, memang heboh sungguh...” (*Berita Minggu*, 26 September 2004).

Mohd. Shahrin Jamaluddin (UMNO Johor) pihak stesyen-stesyen TV hendaklah mengkaji semula waktu siaran rancangan berbentuk agama (waktu lebih sesuai) supaya lebih rasional dan menghentikan drama yang tidak sesuai untuk tontonan umat Islam.

Pemerintahan di Malaysia yang diketuai oleh Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi yang memperjuangkan gagasan Islam Hadhari sudah pasti menghadapi cabaran dalam melaksanakan gagasan yang murni ini, terutama mewujudkan sebuah bangsa Malaysia yang bersatu padu di kalangan orang yang berlainan agama.

Usaha Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi memperkukuhkan Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan [dahulunya Pelancongan] (KKW) adalah satu langkah yang positif bagi memartabatkan warisan seni budaya Melayu dan pelbagai etnik di Malaysia. Kali ini KKW memberikan perhatian yang lebih luas memartabatkan seni budaya rakyat Malaysia sebagai warisan yang harus dipelihara dan diperkembangkan kepada generasi muda. Jika dahulu, KKW lebih tertumpu kepada warisan yang ketara (tangible) yang nampak dan boleh dipegang, tetapi pada kali ini, KKW yang dipimpin oleh Datuk Seri Utama Dr. Mohd. Rais Yatim memperluaskan bidangnya kepada warisan yang tak ketara (intangible) seperti adat istiadat, gotong-royong, budi bahasa, sopan-santun, puisi Melayu tradisional dan sebagainya.

Adalah menjadi harapan kita agar KKW dapat memainkan peranan penting memartabatkan pelbagai genre puisi Melayu sebagai warisan seni yang dapat memantapkan pembinaan jati diri warga Malaysia. KKW sewajarnya menjadi *front line* kepada kerajaan bagi memartabatkan dan mempertahankan jati diri warga Malaysia berdasarkan semangat Perlembagaan Malaysia, sejarah ketuanan dan sosio-budaya orang Melayu serta menghormati warisan pelbagai etnik.





## Menghayati Fungsi Komunikasi Puisi Melayu dalam Pembinaan Jati Diri Warga Malaysia



31 Ogos 1957. Kesedaran ini wujud sejak tahun 1974 ketika saya menjalankan penyelidikan mengenai Biografi Ishak Hj. Muhammad sebagai seorang ahli politik dan penulis bagi memenuhi keperluan B.A. (Hons.) di Jabatan Sejarah, Universiti Malaya di bawah penyeliaan guru yang saya hormati Prof. Emeritus Datuk Dr. Khoo Kay Kim. Apabila saya mentelaah akhbar-akhbar Melayu dan majalah-majalah Melayu tahun 1930-an hingga 1950-an—saya terbaca karya-karya yang berbentuk puisi yang bersemangat memberi kesedaran kepada orang Melayu agar mereka bangkit bangun menuju kejayaan dan menentang penjajahan Inggeris.

Usaha mengumpulkan karya yang bertemakan semangat kebangsaan Melayu ini saya teruskan apabila saya terpaksa membaca sebahagian besar akhbar dan majalah Melayu tahun 1920-an hingga 1940-an bagi meneruskan penyelidikan untuk keperluan Ijazah Sarjana (1975-1978) bertajuk “Abdul Rahim Kajai sebagai Sasterawan dan Wartawan” dan keperluan Ijazah Doktor Falsafah (1980) bertajuk “Peranan Akhbar Utusan Melayu dalam Kempen Pilihanraya Persekutuan (1959-1964)”. Di samping itu, saya membuat kajian tambahan dan akhirnya berjaya diterbitkan buku bertajuk “Puisi Kebangsaan 1913-1957” yang memuatkan lebih kurang 600 buah puisi pelbagai genre yang diterbitkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka pada 1987. Buku ini penting kerana penulis Melayu menggunakan akhbar dan majalah bagi menyampaikan dan mencurahkan perasaannya demi kepentingan orang Melayu dalam menuntut kemerdekaan tanah airnya. Akhbar dan majalah Melayu menjadi media penting bagi nasionalis Melayu berkomunikasi melalui puisi-puisi bertemakan kebangsaan. Memandangkan puisi Melayu, boleh dijadikan alat komunikasi yang berkesan bagi menaikkan semangat cinta kepada bangsa, agama dan tanah air, saya melalui Gabungan Persatuan Penulis Nasional (GAPENA) mendapatkan sokongan daripada Tun Abdul Ghaffar Baba, Timbalan Perdana Menteri ketika itu dan Datuk Seri Sanusi Joned, selaku Pengerusi, Jawatankuasa Pusat Perayaan Hari Kemerdekaan mulai tahun 1987 sehingga sekarang saya bertindak





## Menghayati Fungsi Komunikasi Puisi Melayu dalam Pembinaan Jati Diri Warga Malaysia



kemerdekaan Malaysia setiap 31 Ogos mulai 1987. Atas kesedaran pemimpin juga, sajak yang selama ini dimonopoli pembacaan puisi di pagi kemerdekaan telah dipelbagaikan dengan pembacaan puisi lama seperti syair, gurindam dan seloka. Atas kesedaran pemimpin juga, Dato' Paduka Sheikh Abdul Kadir selaku Pengerusi Jawatankuasa Perayaan Bulan Kemerdekaan telah membenarkan puisi lama didendangkan buat pertama kali di pagi 31 Ogos 2004 di Kuantan, Pahang.

Bagi saya, setiap pemimpin—daripada pemimpin rumah, kampung, pejabat, daerah, negeri hinggalah peringkat negara mempunyai tanggungjawab menghayati dan memainkan peranan penting bagi mempopularkan puisi Melayu di kalangan anak-anak buahnya. Perhatian tidak sahaja tertumpu dan menghayati sajak sahaja, tetapi turut memberikan perhatian kepada puisi-puisi Melayu tradisional yang mewarisi jati diri warga Malaysia.

Semasa menjadi Ketua di Jabatan Pengajian Media (1987-1999), saya sempat menawarkan kursus media warisan yang menggunakan teori dan kaedah komunikasi tradisional yang mengutamakan komunikasi secara lisan dan tanpa lisan. Pelajar tahun dua diwajibkan mengambil (kursus) ini dan mereka dikehendaki menjalankan penyelidikan dan membuat persembahan yang menarik. Hasil penyelidikan mereka ini kita pilih, dan diterbitkan dalam bentuk buku selain persembahan mereka divideokan.

Berdasarkan wawancara dan penglibatan lebih kurang 600 pelajar yang telah mengambil kursus tersebut (1998-2001) saya dapat simpulkan seperti berikut:

- i. hampir semua pelajar tidak menghayati pelbagai genre puisi Melayu sejak dibangku sekolah lagi;
- ii. pelajar menunjukkan minat yang tinggi mempelajari pelbagai genre puisi Melayu;



- iii. mereka telah menghasilkan karya pelbagai genre puisi Melayu yang bermutu dan dipersembahkan kepada warga Universiti Malaya;
- iv. Perhubungan dan pergaulan (sosialisasi) di kalangan pelajar khususnya antara kaum menjadi semakin akrab;
- v. pelajar mula yakin dan mesra ketika berinteraksi dengan pensyarah dan juga rakan-rakan mereka setelah melalui suasana pergaulan non formal di luar bilik tutorial;
- vi. pelajar menjadi aktif berkomunikasi dan menyusun program latihan dan membuat pengurusan bagi promosi persembahan mereka;
- vii. semasa persembahan perdana, mereka berasa gembira dan gigih berlatih serta berpeluang menjemput rakan, sanak-saudara dan ibu bapa menyaksikan persembahan mereka; dan
- viii. karya dan hasil penyelidikan mereka telah dijadikan buku dan digunakan sebagai teks rujukan. Antara buku yang telah diterbitkan oleh Jabatan Pengajian Media ialah *Media Warisan Malaysia* (1999), *Media dan Seni Warisan Melayu Serumpun dalam Gendang Nusantara* (2000), dan *Media Warisan Malaysia-Komunikasi Melalui Puisi dan Gendang* (2001).

Naib Canselor ketika itu Profesor Datuk Anuar Zaini yang dijemput menyaksikan persembahan pelajar Jabatan Pengajian Media turut kagum dengan keupayaan pelajar berbilang bangsa membuat satu persembahan pentas memperkenalkan seni budaya Melayu.

Melalui pendedahan Kursus Media Warisan, ramai di antara pelajar Jabatan Pengajian Media berminat membuat kajian tentang pelbagai genre puisi Melayu yang menggunakan kaedah komunikasi tradisional dalam kursus wajib Projek Penyelidikan (mini tesis). Ini diikuti dengan Rosli Saludin, pensyarah Universiti Pendidikan Sultan Idris yang membuat disertasi Phd. bertajuk, "Teromba sebagai Alat Komunikasi dalam Kepimpinan Adat Perpatih (lulus pada 2004) dan Muhammad

## Menghayati Fungsi Komunikasi Puisi Melayu dalam Pembinaan Jati Diri Warga Malaysia



Takari dari Universiti Sumatera Utara, Indonesia sedang membuat penyelidikan untuk disertasi Phd. bertajuk “Komunikasi melalui Seni Persembahan Rumpun Melayu.”

Sejak mengetuai Persatuan Lembaga Bahasa Melayu Melaka, saya telah menggerakkan projek penyelidikan di kalangan pelajar Tingkatan 6 di Melaka dan menerbitkan buku *Adat Perkahwinan Melaka* (1999) yang memuatkan pelbagai puisi Melayu seperti pepatah petitih, pantun dan teromba berhubung adat pertunangan dan perkahwinan di Melaka. Apabila saya dilantik menjadi Pengerusi Institut Seni Malaysia Melaka (ISMMA) oleh Kerajaan Negeri Melaka mulai 2000, saya telah merancang kegiatan yang dapat menghidupkan peranan tokoh-tokoh adat seperti datuk sidang dan penghulu yang memainkan peranan penting menghidupkan dan memurnikan cara hidup masyarakat Melayu khususnya dalam usaha memartabatkan warisan adat pertunangan dan perkahwinan. Sehubungan dengan ini, ISMMA telah mengusahakan penerbitan buku adat; antaranya *Kepimpinan Adat Melayu Serumpun*, (Abdul Latiff Abu Bakar dan Hanipah Hussin (ed.), 2004), *Kepimpinan Adat Perkahwinan Melayu Melaka*, (Abdul Latiff Abu Bakar dan Hanipah Hussin (ed.), 2004), *Busana Melaka*, (Abdul Latiff Abu Bakar dan Mohd. Nefi Imran (ed.), 2004), *Busana Melayu Serumpun*, (Abdul Latiff Abu Bakar dan Mohd. Nefi Imran (ed.), 2004), dan *Pantun dan Ungkapan Indah: Adat Perkahwinan Melayu*, (Abdul Latiff Abu Bakar dan Mohd. Rosli Saludin, (ed.), 2004).

Bagi memperkembangkan warisan jati diri Melaka, ISMMA telah menyusun program melalui Projek Anak Angkat ISMMA melatih remaja sekolah bergiat dalam seni lagu asli, muzik Melayu, tarian tradisional, condang sayang dan menubuhkan kumpulan nazam di sebahagian besar sekolah-sekolah, kampung-kampung dan NGO di negeri Melaka. Kumpulan nazam yang terdiri daripada kalangan datuk-datuk sidang yang diketuai oleh Datuk Sidang Muhammad Abdullah telah menghasilkan sebanyak 200 buah nazam yang bertemakan keagamaan dan isu-isu semasa. Di samping itu, terdapat juga tokoh-tokoh





## Menghayati Fungsi Komunikasi Puisi Melayu dalam Pembinaan Jati Diri Warga Malaysia



profesor (Jabatan Pengajian Media) pada tahun 2000. Ini merupakan pengiktirafan terhadap keserjanaan saya selama penglibatan saya dalam dunia akademik. Dengan ilmu dan pengalaman yang ada; doa saya kepada Allah; hendaknya diberikan kekuatan kepada saya untuk berbakti kepada bangsa khususnya dalam bidang sosiobudaya dan agama. Semoga dengan ilmu ini, saya semakin tunduk kepada kebesaran Allah SWT. dan menginsafi hakikat saya sebagai hamba-Nya yang diberi tugas besar menjaga agama, bangsa dan negara.

Terima kasih kepada guru-guru yang pernah mendidik saya terutama Profesor Emeritus Dato' Dr. Khoo Kay Kim yang bertanggungjawab menyelia saya dari peringkat Ijazah B.A. (Hons.), M.A. hingga peringkat Doktor Falsafah.

Kepada Profesor Emeritus Tan Sri Dr. Ismail Hussein, Ketua Satu GAPENA yang sentiasa memberi dorongan dan pendedahan pengalaman di peringkat antarabangsa dan Bapak Tenas Effendy, Budayawan dan Ketua Lembaga Adat Melayu Riau yang sentiasa berbincang dan memberikan sokongan bagi memartabatkan warisan seni budaya Melayu.

Tidak lupa juga saya ucapkan terima kasih kepada Kerajaan Negeri Melaka yang memberi peluang kepada saya untuk menabur bakti kepada pembangunan sosiobudaya di Melaka dan umumnya di Malaysia. Begitu juga kepada pihak Universiti Malaya yang sentiasa memberi kebenaran untuk saya berkhidmat dan menabur bakti berkaitan keserjanaan saya di peringkat negeri, kebangsaan dan antarabangsa.

Paling istimewa kepada isteri saya, Hamidah Hassan dan anak-anak saya, Azhar, Anas, Nur Aishah dan Adam yang memahami tugas akademik, kemasyarakatan dan kesukarelaan yang saya tumpukan.



Terima kasih kepada semua pihak yang tidak saya nyatakan namanya di sini yang turut membantu saya dalam membina diri saya sebagai seorang ahli akademik. Akhir sekali, saya berdoa agar Allah mencucuri rahmat-Nya kepada Allahyarhamah ibu dan bapa saya, guru-guru dan pejuang-pejuang kemerdekaan. Semoga mereka ditempatkan di syurga bersama-sama orang-orang yang beriman. Amin.

## Bibliografi

- A. Aziz Deraman, 2002. *Himpunan Kertas Kerja Isu dan Proses Pembukaan Minda Umat Melayu Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- A. Samad Ahmad, 1986. *Sulalatus Salatin (Sejarah Melayu)*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdul Hamid al-Ghazali, 2001. *Merentas Jalan Kebangkitan Islam*. (Terj.) Md. Salleh Kassim. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdul Latiff Abu Bakar (Penye.), 2000. *Media dan Seni Warisan Melayu Serumpun dalam Gendang Nusantara*. Kuala Lumpur: Jabatan Pengajian Media, Universiti Malaya.
- Abdul Latiff Abu Bakar (Penye.), 1984. *Sejarah di Selat Melaka*. Kuala Lumpur: Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Negeri Melaka dan Jabatan Pelajaran Melaka.
- Abdul Latiff Abu Bakar (Penye.), 1987. *Kebudayaan Kebangsaan dalam Pembinaan Negara Bangsa Malaysia*. Kuala Lumpur: Biro Pendidikan UMNO Malaysia.
- Abdul Latiff Abu Bakar (Penye.), 1989/90. *Melayu Sri Langka-Simposium Dunia Melayu Kedua*. Kuala Lumpur: Biro Penerbitan GAPENA dan Kumpulan Asas Jabatan Penulisan Universiti Malaya.
- Abdul Latiff Abu Bakar (Penye.), 1996. *Melaka Bandaraya Bersejarah Negeri Berbudaya*. Kuala Lumpur: Percetakan Cergas.
- Abdul Latiff Abu Bakar (Penye.), 1998. *Pertemuan Selat Melaka*. Melaka: Kerajaan Negeri Melaka dan IKSEP.



- Abdul Latiff Abu Bakar (Penye.), 2001. *Dunia Melayu Dunia Islam—Kesatuan dan Perpaduan*. Melaka: Kerajaan Negeri Melaka dan IKSEP.
- Abdul Latiff Abu Bakar (Penye.), 2002. *Adat Melayu Serumpun*. Melaka: PERZIM dan Penerbit Universiti Malaya.
- Abdul Latiff Abu Bakar dan Mohd. Rosli Saludin (Penye.), 2004. *Pantun dan Ungkapan Indah: Adat Perkahwinan Melayu*. Melaka: Institut Seni Malaysia Melaka.
- Abdul Latiff Abu Bakar dan Hanipah Hussin (Penye.), 2004. *Kepimpinan Adat Melayu Serumpun*. Melaka: Institut Seni Malaysia Melaka.
- Abdul Latiff Abu Bakar dan Mohd Nefi Imran (Penye.), 1999. *Media Warisan Malaysia*. Kuala Lumpur: Jabatan Pengajian Media, Universiti Malaya.
- Abdul Latiff Abu Bakar dan Mohd Nefi Imran (Penye.), 2004. *Busana Melayu Serumpun*. Melaka: Institut Seni Malaysia Melaka.
- Abdul Latiff Abu Bakar dan Mohd Nefi Imran (Penye.), 2004. *Busana Melaka*. Melaka: Institut Seni Malaysia Melaka.
- Abdul Latiff Abu Bakar dan Mohd Nefi Imran, 2001. *Media Warisan Malaysia—Komunikasi Melalui Puisi dan Gendang*. Kuala Lumpur: Jabatan Pengajian Media.
- Abdul Latiff Abu Bakar dan Mohd. Rosli Saludin (Penye.), 2004. *Kepimpinan Adat Perkahwinan Melayu Melaka*. Melaka: Institut Seni Malaysia Melaka.
- Abdul Latiff Abu Bakar dan Othman Puteh (Penye.), 2000. *Globalisme dan Patriotisme dalam Sastera Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdul Latiff Abu Bakar dan Zainal Abidin Borhan (Penye.), 1998/90. *Adat Perkahwinan Melaka: Himpunan Perbilangangan dan Pantun*. Kuala Lumpur: Lembaga Bahasa Melayu Melaka dan Kumpulan Warisan Jabatan Penulisan Universiti Malaya.
- Abdul Latiff Abu Bakar, 1977. *Isbak Haji Mubammad: Penulis dan Ahli Politik Sehingga 1948*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.



- Abdul Latiff Abu Bakar, 1984. *Abdul Rabim Kajai: Wartawan dan Sasterawan Melayu*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdul Latiff Abu Bakar, 1987. *Puisi-puisi Kebangsaan 1913-1957*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdul Latiff Abu Bakar, 1996. *Melaka dan Arus Gerakan Kebangsaan Malaysia*. Melaka: IKSEP.
- Abdul Latiff Abu Bakar, 1998. *Peranan Media dalam Pilihanraya Persekutuan*. Kuala Lumpur: Penerbitan Fajar Bakti.
- Abdul Latiff Abu Bakar, 2003. *Biografi Tan Sri Ismail Hussein Bersama GAPENA*. Kuala Lumpur: Biro Penerbitan GAPENA dan Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan Malaysia.
- Abdul Monir Yaacob dan Sarina Othman (Penye.), 1995. *Pemerintahan Islam dalam Masyarakat Majmuk*. Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM).
- Abdul Mu'ati @ Zamri Ahmad, 2001. *Santun Komunikasi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abu Hassan Sham, 1995. *Syair-syair Melayu Riau*. Kuala Lumpur: Perpustakaan Negara Malaysia.
- Ahmad Ibrahim, et.all, 1999. *Perkembangan Undang-undang Perlembagaan Persekutuan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Aripin Said, 1997. *Lagu-lagu Tradisional Rakyat Pabang*. Kuala Lumpur: Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan Malaysia.
- Asiah Sarji, et.all., 2003. *Kamus Komunikasi Massa*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Berger, Arthur Asa, 2000. *Tanda-tanda dalam Kebudayaan Kontemporer*. Yogyakarta: Tiara Wacana.
- Brooks, William D., 1971. *Speech Communication*. Iowa: WM. C. Brown Company Publishers.
- Dedy Djamaluddin Malik, et. all., 1993. *Komunikasi Tradisional*. Bandung: Remaja Rosdakarya.
- Dennis, Everette E., et. all., 1994. *Isu-isu Komunikasi Massa*. (Terj.) Md. Salleh Kassim. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

**Menghayati Fungsi Komunikasi Puisi Melayu  
dalam Pembinaan Jati Diri Warga Malaysia**



- H.M. Tuah Iskandar, 1997. *Mengislamisasikan Komunikasi Warta*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mc. Quail, Denis, 1989. *Teori Komunikasi Massa: Suatu Pengantar*. (Terj.) Agus Dharma dan Aminuddin Ram. Jakarta: Penerbit Erlangga.
- Mohd. Ghazali Abdullah, 1995. *Teater Tradisional Melayu*. Kuala Lumpur: Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan Malaysia.
- Noorsiah Sabri, 1998. *Pembangunan Kebudayaan untuk Pembinaan Negara dan Bangsa*. Kuala Lumpur: Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan Malaysia.
- Rahmat Ismail, 2000. *Pidato Berpidato: Seni dan Teknik*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Sevelin, Werner J. dan James W. Tankard Jr., 1988. *Teori Komunikasi*. (Terj.) Vincent Lowe dan Abdullah Hassan. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Soemarno Soedarsono, 1999. *Penyemaian Jati Diri*. Jakarta: Elex Media Komputindo.
- Tenas Effendy, 2000. *Pemimpin dalam Ungkapan Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Tenas Effendy, 2004. *Tunjuk Ajar Melayu (Butir-butir Budaya Melayu Riau)*. Yogyakarta: Balai Kajian dan Pengembangan Budaya Melayu dan Penerbit Adicita.
- Wahyunah Abdul Ghani dan Mohamad Shaidan, 2000. *Puisi Melayu Lama Berunsur Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Wan Azman Wan Abdullah, 1999. *Pemikiran Positif Cara Islam*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Wimal Dissanayake, 1993. *Teori Komunikasi Perspektif Asia*. (Terj.) Rahmah Hashim. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka dan Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan Malaysia.
- Zalila Sharif dan Jamilah Hj. Ahmad, 1993. *Kesusasteraan Melayu Tradisional*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

